

JUZU'KE 21

**SURAH  
LUQMAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Dengan nama Allah  
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

### (Kumpulan ayat-ayat 1 - 19)

١ الْمَرْءُ  
٢ إِنَّكَ عَلَيْكَ أَيْدُكُ الْكِتَابِ الْحَكِيمِ ٣  
٤ هُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُحْسِنِينَ ٥  
٦ الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَوَةَ وَهُمْ بِالآخِرَةِ  
٧ هُمُ الْيُوقِنُونَ ٨  
٩ أَوْلَئِكَ عَلَى هُدًى مِنْ رَبِّهِمْ وَأَوْلَئِكَ هُمُ  
١٠ الْمُفْلِحُونَ ١١  
١٢ وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْتَرِي لَهُوَ الْحَدِيثُ لِيُضَلَّ عَنْ  
١٣ سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذُهَا هُرْزًا أَوْلَئِكَ لَهُمْ  
١٤ عَذَابٌ مُهِينٌ ١٥

وَإِذَا تُتْلَى عَلَيْهِ ءَايَاتُنَا وَلَيْ مُسْتَكْبِرًا كَانَ لَمْ  
يَسْمَعُهَا كَأَنَّ فِي أَذْنِيهِ وَقْرَأَ فَبِشَرَهُ بِعَذَابِ الْيَمِّ  
إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَاحٌ  
النَّعِيمُ ٨

**خَلِيلِنَّ فِيهَا وَعْدَ اللَّهِ حَقًّا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ** ١  
"Alif. Laam. Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an) yang bijaksana(2). Menjadi hidayat dan rahmat kepada para Muhsinin(3). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat(4). Merekalah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka, dan

merekalah orang-orang yang beruntung(5). Dan di antara manusia ada orang-orang yang membeli cerita-cerita yang melalaikan untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari agama Allah tanpa sebarang pengetahuan dan mempersenda-sendakannya. Mereka akan mendapat azab yang amat menghinakan(6). Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia terus berpaling dengan angkuh seolah-olah dia tidak mendengar-nya, seolah-olah ada penyumbat di dalam telinganya. Oleh kerana itu gembirakannya dengan balasan azab yang amat pedih(7). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan memperolehi Syurga-syurga yang penuh ni'mat(8). Mereka hidup kekal di dalamnya. Itulah janji Allah yang benar dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(9)».

١٣  
بِاللَّهِ إِنَّ الْسَّرَّ لِكُلِّ أَطْمَاعٍ عَظِيمٍ  
وَإِذَا قَالَ لَقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْزِلُهُ وَيَبْتَئِلُهُ لَا شُرِكَ  
حَمِيدٌ<sup>١٤</sup>  
فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ عَنِّي  
وَلَقَدْ أَءَاتَنَا اللُّقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ وَمَنْ يَشْكُرْ  
بِكُلِّ الظَّلَامُونَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ<sup>١٥</sup>  
هَذَا حَقُّ اللَّهِ فَأَرُونِي مَاذَا خَلَقَ الَّذِينَ مِنْ دُونِهِ  
مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَبْنَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٌ<sup>١٦</sup>  
رَوَسَيْ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَيَثْ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَآتَةٍ وَأَنْزَلْنَا  
خَلْقَ السَّمَاوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا وَالْقَوْنَى فِي الْأَرْضِ

"Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu, dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu, dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang, dan Kami turunkan air dari langit lalu Kami tumbuhkan di bumi segala jenis tanaman yang berpasangan yang cantik(10). Inilah ciptaan-ciptaan Allah. Oleh itu tunjukkan pula kepada-Ku apakah makhluk-makhluk yang telah diciptakan oleh tuhan-tuhan yang lain dari-Nya. Malah sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu berada di dalam kesesatan yang amat nyata(11). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kepada Luqman (dia berkata): Bersyukurlah kepada Allah, dan barang siapa yang bersyukur, maka sesungguhnya dia

bersyukur untuk (kebaikan) dirinya, dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji(12). Dan (kenangilah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau sekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar." (13).

وَصَّيَّنَا إِلَى إِنْسَنَ بُو لَدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَّا عَلَىٰ  
وَهُنِّ وَفَصَلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنَّ أَشْكُرْ لِي وَلَوْلَدِيْكَ  
إِلَى الْمَصِيرِ ⑯

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ  
عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبَهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا  
وَأَتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ  
فَأَنِّي كُمْ بِمَا كُنْتُ تَعْمَلُونَ ⑯

يَبْيَنِي إِنَّهَا إِنْ تَكُ مُنْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرَدَلٍ فَتَكُنْ فِي  
صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ  
إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ حَيْرٌ ⑯

يَبْيَنِي أَقِيمُ الصَّلَاةَ وَأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَأَصِيرُ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ  
الْأَمْرُ ⑯

وَلَا تُصْرِخْ دَلْكَ لِلْتَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ  
لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ⑯

وَأَقْصِدُ فِي مَسْيَكَ وَأَعْصُضُ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ  
الْأَصْوَاتِ لَصَوْتِ الْحَمِيرِ ⑯

"Dan Kami telah menyuruh manusia supaya berbakti kepada dua orang tuanya. Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibubapa engkau dan kepada-Ku tempat kembali(14). Dan jika mereka berdua mendesak engkau supaya memperseketukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'takan kedua-duanya, dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini, dan ikutilah jalan orang-orang yang kembali kepada-Ku, kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu dan Aku

akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu(15). Wahai anakku! Sesungguhnya jika sesuatu amalan itu hanya seberat biji sawi dan sekalipun ia tersembunyi dalam batu atau berada di langit atau di bumi nescaya ia akan dibawakan Allah. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar(16). Wahai anakku! Dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat kebaikan dan larangkan mereka berbuat kemungkaran dan sabarlah di atas kesusahan yang menimpa engkau. Sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman(17). Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak sukaan sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri(18). Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalananmu dan rendahkan suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."(19).

#### (Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Al-Qur'an dalam berbicara dengan fitrah manusia mengikut logiknya. Ia diturunkan Allah yang menciptakan fitrah itu. Oleh kerana ini Allah tahu segala sesuatu yang layak dan mendatangkan kebaikan kepada fitrah manusia. Allah tahu bagaimana hendak berbicara dengannya. Allah tahu segala pintu dan jalan-jalannya. Allah mengemukakan kepada fitrah manusia hakikat yang memang telah sedia tersimpan di dalamnya sebelum ini, iaitu hakikat yang memang telah diketahui oleh fitrah manusia sebelum dikemukakannya oleh Al-Qur'an, kerana fitrah manusia dari semulajadi lagi telah ditegakkan di atas hakikat ini, iaitu hakikat mengakui kewujudan Allah Pencipta Yang Maha Esa dan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dengan ibadat dan taubat bersama angkatan alam buana yang sentiasa bertawajjuh kepada penciptanya dengan tahmid dan tasbih. Oleh kerana fitrah itu diselubungi kepulan-kepulan asap dari bumi dan dikongkongi dorongan daging dan darah yang berkobar-kobar dan diselewengkan dari jalan yang benar oleh desakan-desakan hawa nafsu, maka di sini Al-Qur'an datang berbicara dengan fitrah manusia dengan menggunakan logik yang diketahuinya dan mengemukakan hakikat yang dilupainya dengan menggunakan cara dan uslub yang dibiasainya. Dan di atas atas hakikat inilah Al-Qur'an menegakkan seluruh peraturan hidup yang sesuai dengan 'aqidah dan fitrah dan sesuai dengan jalan menuju kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa, Maha Pentadbir dan Maha Pakar.

Surah Makkiyah ini merupakan satu contoh dari contoh-contoh cara Al-Qur'an berbicara dengan hati manusia. Ia memperkatakan persoalan 'aqidah yang tersemat di dalam hati kaum Musyrikin yang menyimpang dari hakikat ini. Itulah persoalan yang dibicarakan oleh Surah-surah Makkiyah dengan bermacam-macam uslub, dan menanganinya dari berbagai-bagai aspek dan mencuit hati manusia dari berbagai-bagai segi, dan menggunakan berbagai-

bagai. penerangan yang berkesan untuk berbicara dengan fitrah manusia dan menyedarkannya.

Persoalan 'aqidah yang tunggal ini adalah berpusat pada kepercayaan mentauhidkan Allah, menumpukan ibadat kepada Allah Yang Esa dan mensyukuri segala ni'mat pemberian-Nya, juga berpusat pada keyakinan terhadap hari Akhirat yang merangkumi hisab yang halus dan balasan yang adil, dan seterusnya berpusat pada kepatuhan mengikut segala ajaran yang diturunkan Allah dan meninggalkan adat-adat kebiasaan dan kepercayaan-kepercayaan yang lain darinya.

Surah ini membentangkan persoalan ini dengan cara yang membuat seseorang berfikir dengan mendalam untuk memahami uslub Al-Qur'an yang menarik di dalam cara-cara berbicara dengan fitrah dan hati manusia. Setiap penda'wah kepada agama Allah perlu memikirkan uslub ini dengan teliti.

Ia membentangkan persoalan ini di dalam dewan pameran Al-Qur'an iaitu pameran alam buana yang besar yang mengandungi langit, bumi, matahari, bulan, siang, malam, udara, laut, ombak, hujan, tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok. Pameran alam buana ini disebut berulang-ulang kali di dalam Al-Qur'anul-Karim. Ia menjadikan alam buana ini sebagai hujah-hujah yang berkesan dan jelas dan sebagai bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di kanan dan di kiri, iaitu hujah-hujah dan bukti-bukti yang berbicara dengan hati manusia, mempengaruhi dan menghidupkannya serta mengepungnya dari segenap jalan dan lorong.

Walaupun persoalan ini hanya satu dan dewan pameran yang membentangkannya juga satu, namun ia dibentangkan dalam surah ini sebanyak empat kali dalam empat pusingan yang membawa hati manusia menjelajah dewan pameran yang amat luas. Setiap penjelajahan disertakan dengan hujah-hujah baru yang berkesan dan menggunakan satu uslub penerangan yang baru pula. Pusingan-pusingan itu bermula dan berakhir dengan cara yang amat menarik, yang memberi keni'matan kepada hati dan akal di samping mengandungi faktor-faktor yang membuat manusia terpengaruh dan bersedia untuk menerima dan menyambut.

\*\*\*\*\*

Pusingan pertama dimulakan selepas surah ini dibuka dengan huruf-huruf potongan. Ini untuk menjelaskan bahawa surah ini adalah disusun dari jenis huruf yang serupa dengan huruf-huruf potongan itu. Ia merupakan ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang penuh hikmat. Ia merupakan petunjuk dan rahmat kepada para Muhsinin iaitu:

**الَّذِينَ يُقْسِمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الْزَكُورَةَ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ  
هُمْ يُوْقِنُونَ**

"Iaitu orang-orang yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat."(4)

Ayat ini menjelaskan persoalan keyakinan terhadap hari Akhirat dan persoalan ibadat kepada Allah dengan satu penerangan yang meninggalkan kesan yang nyata di dalam hati iaitu:

**أُولَئِكَ عَلَى هُدَىٰ مِنْ رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ**

**الْمُفْلِحُونَ**

"Merekalah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

Siapakah yang tidak mahu digolongkan dalam golongan orang-orang yang beruntung? Di sebelah yang lain pula terdapat segolongan manusia yang membeli cerita-cerita yang menghibur untuk menyesatkan (diri sendiri dan orang lain) dari jalan Allah tanpa sebarang pengetahuan dan mempersenda-sendakan ayat-ayat Al-Qur'an. Mereka dihadapkan dengan satu penerangan yang meninggalkan kesan yang menakutkan di dalam hati sesuai dengan perbuatan mereka yang mempermain-mainkan ayat-ayat Al-Qur'an:

**أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ**

"Mereka akan mendapatkan azab yang amat menghinakan."(6)

Kemudian Al-Qur'an terus menceritakan gerak-geri golongan ini:

**وَإِذَا تُشْتَأْلَى عَلَيْهِ إِيمَانُهُ اِنْتَنَاهُ لِمَ**

**لَسْمَعَهَا**

"Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia terus berpaling dengan angkuh seolah-olah dia tidak mendengarnya..."(7)

Kemudian diiringi dengan satu penerangan yang berkesan yang menghinakan golongan ini:

**كَأَنَّ فِي أَذْنِيهِ وَقْرًا**

"..Seolah-olah ada penyumbat di dalam telinganya..."(7)

dan satu lagi penerangan yang menakutkan yang disertakan dengan ejekan yang terang:

**فَبَشِّرْهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ**

"...Oleh kerana itu gembirakannya dengan balasan azab yang amat pedih."(7)

Penyampaian berita gembira di sini mengandungi ejekan yang amat nyata. Kemudian Al-Qur'an kembali kepada golongan orang-orang yang beriman dengan memberi sedikit huriaian mengenai keberuntungan mereka yang diterangkan secara ringkas di permulaan surah. Ia menghuraikan tentang balasan yang akan diterima mereka di Akhirat di samping menjelaskan balasan yang akan diterima

mereka yang mempermain-mainkan ayat-ayat Al-Qur'an dan bersikap takbir:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّاتٌ  
خَالِدَاتٍ فِيهَا وَعَدَ اللَّهُ حَقًا وَهُوَ أَعْزِيزُ الْحَكَمَةِ  
النَّعِيمُ ٨١

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan memperolehi Syurga-syurga yang penuh ni'mat(8). Mereka hidup kekal di dalamnya. Itulah janji Allah yang benar dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(9)

Di sini Al-Qur'an menayangkan lembaran alam buana yang besar sebagai bidang bukti dan dalil yang memperlihatkan kepada fitrah manusia dari segenap sudut dan berbicara dengannya dengan seribu bahasa. Ia mengemukakan kepada fitrah manusia lunas kebenaran yang agung yang dilalui manusia tanpa disedari mereka:

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا وَالْقَىٰ فِي الْأَرْضِ  
رَوَسَىٰ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَأَنْزَلَنَا  
مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَبْتَنَاهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٌ ١٠

"Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu, dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu, dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang, dan Kami turunkan air dari langit lalu Kami tumbuhkan di bumi segala jenis tanaman yang berpasangan yang cantik."(10)

Dan di hadapan dalil-dalil alam buana yang mengagumkan hati dan perasaan manusia ini, Al-Qur'an memegang hati-hati yang liar yang mempersekuatkan Allah, sedangkan mereka melihat ciptaan-ciptaan Allah Yang Agung:

هَذَا خَلْقُ اللَّهِ فَارُونِي مَاذَا خَلَقَ الَّذِينَ مِنْ دُونِنِي  
بَلِ الظَّالِمُونَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ١١

"Inilah ciptaan-ciptaan Allah. Oleh itu tunjukkan pula kepada-Ku apakah makhluk-makhluk yang telah diciptakan oleh tuhan-tuhan yang lain dari-Nya. Malah sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(11)

Dengan ayat yang menggambarkan kejadian-kejadian alam buana yang besar dan mendalam ini berakhirlah pusingan pertama dengan persoalan-persoalan dan penerangan-penerangannya yang berkesan yang dibentangkan di perkarangan alam buana yang amat luas.

Pusingan yang kedua pula dimulakan dari dalam jiwa manusia. Ia memperkatakan persoalan yang sama dalam bidang yang sama dengan uslub yang baru dan penerangan-penerangan menarik yang baru.

وَلَقَدْ أَتَيْنَا الْقَمَنَ الْحِكْمَةَ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kebijaksanaan, kepada Luqman."(12)

Apakah bentuk hikmat kebijaksanaan itu? Apakah fenomenanya yang tunggal? Ia boleh diintisari dengan amalan menjuruskan kesyukuran kepada Allah:

أَنْ أَشْكُرُ لِلَّهِ

"Bersyukurlah kepada Allah."(12)

Inilah hikmat kebijaksanaan dan inilah arah tujuan yang bijak. Langkah yang kedua ialah tindakan Luqman memberi nasihat kepada anaknya, iaitu satu nasihat yang bijak, yang bersih dari cacat cela kerana Luqman telah dikurniakan hikmat kebijaksanaan. Ia merupakan satu nasihat yang jujur, kerana nasihat seorang bapa kepada si anak tidak mungkin tidak jujur. Nasihat ini menjelaskan persoalan tauhid yang telah dijelaskan dalam pusingan yang pertama dan persoalan hari Akhirat yang disertai dengan penerangan-penerangan yang meninggalkan kesan di dalam jiwa bersama-sama penerangan-penerangan yang baru:

وَإِذْ قَالَ لِقَمَنَ لَا يَبْنِهِ وَهُوَ يَعْظُلُهُ وَيَبْتَئِلُ لَا تُشْرِكِ  
بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٢

"Dan (kenangilah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau sekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar."(13)

Al-Qur'an menekankan persoalan ini dengan satu penerangan menarik yang lain, iaitu ia mengemukakan hubungan keibubapaan dengan uslub yang penuh kasih mesra:

وَوَصَّيْنَا إِلَّا إِنْسَانٌ بِوَالَّدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَىَّ  
وَهُنَّ وَفِصَلَهُ وَفِي عَامَيْنِ ١٣

"Dan Kami telah menyuruh manusia supaya berbakti kepada dua orang tuanya. Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun."(14)

Kemudian Al-Qur'an gandingkan persoalan syukur kepada Allah dengan syukur kepada dua ibu bapa:

أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالَّدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ١٤

"Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa engkau."(14)

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan asas pertama di dalam persoalan 'aqidah iaitu hubungan 'aqidah pastilah dijadikan hubungan yang utama, iaitu hubungan yang pasti didahulukan di atas hubungan keturunan dan hubungan darah. Walaupun hubungan keturunan dan darah merupakan satu hubungan yang mesra dan kuat namun ia hanya merupakan hubungan yang kedua dari hubungan yang utama itu:

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِيْ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ  
عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبَهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا  
وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ

"Dan jika mereka mendesak engkau supaya mempersekuatku-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan keduaduanya, dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini, dan ikutilah jalan orang-orang yang kembal kepada-Ku."(15)

Di samping itu ia menjelaskan persoalan Akhirat:

ثُمَّ إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَنِئُوكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

"Kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(15)

Kemudian persoalan ini diiringi dengan satu penerangan yang amat berkesan ketika menggambarkan kebesaran ilmu Allah yang amat halus dan syumul yang membuat hati manusia gementar ketika ia mengikutnya di alam buana yang lebar:

يَبْتَئِلُ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِنْ قَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرَدٍ لِّفَتَكُنْ فِي  
صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ  
إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ حَيْرٌ

"Wahai anakku! Sesungguhnya jika sesuatu itu hanya seberat biji sawi dan sekalipun ia tersembunyi dalam batu atau berada di langit atau di bumi nescaya ia akan dibawakan Allah. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar."(16)

Kemudian Luqman menyambung nasihatnya kepada anaknya. Beliau menerangkan kepadanya tugas-tugas 'aqidah, iaitu (mendirikan solat), menyuruh berbuat ma'ruf dan melarang berbuat mungkar dan sabar menghadapi akibat-akibat yang timbul dari pelaksanaan tugas-tugas ini, iaitu akibat-akibat kesusahan dan kesulitan yang pasti dihadapi oleh pengikut 'aqidah ini. Beliau mengemukakan nasihat itu mengikut peringkat-peringkatnya yang tabi'i, selangkah demi selangkah mulai dari diri sendiri kemudian menjangkau kepada yang lain:

وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزَمِ الْأَمْوَارِ

"Dan sabarlah di atas kesusahan yang menimpa engkau. Sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman."(17)

Di samping menyuruh berbuat ma'ruf dan melarang berbuat mungkar dan sabar menanggung kesusahan, beliau mengajar adab sopan yang wajib bagi penda'wah kepada Allah, iaitu jangan bersikap takbur terhadap orang lain kerana ia merosakkan dengan contoh teladan apa yang dibetulkan dengan percakapan:

وَلَا تُصْعِرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْسِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ

لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

وَاقْصِدْ فِي مَشِيكَ وَأَعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ

الْأَصْوَاتِ لَصَوْتِ الْحَمِيرِ

"Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak suka sekalian orang yang sombang dan membanggabagukkan diri(18). Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalananmu dan rendahkan suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."(19)

Penerangan berkesan kepada jiwa yang menghinakan sikap sombang dan takbur itu dapat dilihat dengan jelas di dalam ungkapan ayat ini. Sampai di sini berakhirlah pusingan yang kedua yang telah memperkatakan persoalan yang sama dengan penerangan-penerangan dan uslub yang baru.

Pusingan yang ketiga dimulakan dengan pembentangan persoalan kejadian-kejadian di langit dan di bumi yang biasa disertai dengan satu penerangan berkesan yang diambil dari hubungan manusia dengan langit, bumi dan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka, sedangkan mereka tidak bersyukur:

أَلَّا تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً وَظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً وَمِنَ النَّاسِ مَنْ

يُجَدِّلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدَىٰ وَلَا كِتَابٌ مُنِيرٌ

"Tidakkah kamu lihat bahawa Allah telah menundukkan untuk kamu segala kejadian yang ada di langit dan di bumi dan melimpahkan ke atas kamu ni'mat-ni'mat yang zahir dan yang batin? Di antara manusia ada orang yang mempertikaikan tentang Allah tanpa sebarang ilmu, tanpa sebarang petunjuk dan tanpa sebarang kitab suci yang terang."(20)

Berpandukan penerangan ini jelaslah bahawa perbuatan mempertikaikan Allah adalah suatu

perbuatan yang dikecam oleh fitrah dan dijijikkan oleh hati yang lurus, kemudian Al-Qur'an menyambung lagi kecamannya terhadap sikap kekafiran dan kejumudan mereka:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَتَيْعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ مَاءَ آبَاءِنَا

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah. Jawab mereka: Sebenarnya kami hanya mengikut ajaran yang dipegang datuk nenek kami."(21)

Ini adalah satu pendirian yang karut dan buta. Kemudian diiringi dengan satu kenyataan yang menakutkan:

أَوْلَوْ كَانَ أَشَيْطَلُنْ يَدْعُوهُمْ إِلَى عَذَابِ السَّعِيرِ

"Sekalipun syaitan mengajak mereka kepada azab Neraka."(21)

Kemudian dibentangkan pula persoalan balasan di Akhirat yang mempunyai pertalian dengan persoalan keimanan dan kekafiran:

وَمَنْ يُسْلِمْ وَحْمَهُ وَإِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدْ

أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرُوْةِ الْوُثْقَى وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

وَمَنْ كَفَرَ فَلَا يَخْرُنَكَ كُفُرُهُ إِلَيْنَا مَرْجُهُمْ

فَتَبَيَّنُهُمْ بِمَا عَمِلُوا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

"Dan barang siapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah, sedangkan dia mengerjakan amalan yang baik, maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang amat kuuh. Dan kepada Allah kembalinya kesudahan segala urusan(22). Dan sesiapa yang kafir, maka janganlah kekafirannya itu merungsingkan engkau. Kepada Kami kembalinya sekalian mereka dan Kami akan memberitahu mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(23)

Pada akhirnya Al-Qur'an menyebut tentang ilmuAllah yang amat luas dan halus: "Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada", kemudian diiringi pula dengan satu amaran yang menakutkan:

نُمْتَعِّهُمْ قَلِيلًا ثُمَّ نَضْطَرُهُمْ إِلَى عَذَابٍ غَلِظٍ

"Kami hanya memberi keniaman yang sebentar kepada mereka, kemudian Kami akan menyeretkan mereka ke dalam azab yang amat tebal."(24)

Sebelum menamatkan pusingan ini, Al-Qur'an membawa mereka bersemuka dengan logik fitrah mereka yang menghadapi alam buana ini. Mereka tidak berdaya melainkan mengakui Allah sebagai Pencipta Yang Maha Esa dan Maha Agung:

وَلَئِنْ سَأَلْتُهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ  
اللَّهُ قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

"Dan jika engkau bertanya mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Alhamdulillah, sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui."(25)

Pusingan ini ditamatkan dengan satu pemandangan alam buana yang menggambarkan jangkuan ilmu Allah yang tiada batas dan kebebasan iradat Allah yang tidak terhadap, dan hakikat ini dijadikan dalil atas kekuasaan Allah membangkitkan manusia selepas mati dan mengulangi ciptaan mereka dan bukti atas kekuasaan Allah menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya:

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَفْلَامٌ وَالْبَحْرُ يَمْدُدُهُ  
مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَا نِفَدَتْ كَلِمَتُ اللَّهِ  
إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

مَا خَلَقَكُمْ وَلَا بَعْثَكُمْ إِلَّا كَنْفِسٌ وَحِدَةٌ إِنَّ اللَّهَ  
سَمِيعٌ بَصِيرٌ

"Andainya segala pokok yang ada di bumi ini dijadikan pena-pena dan lautan yang kemudiannya ditambahkan dengan tujuh lautan yang lain (dijadikan dakwat) nescaya tidak akan habis kalimat-kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (27). Penciptaan kamu dan kebangkitan kamu selepas mati hanya sama seperti mencipta dan membangkitkan seorang sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28)

Pusingan yang keempat dimulakan dengan satu pemandangan alam buana yang memberi kesan yang khusus di dalam hati manusia iaitu pemandangan malam hari yang memanjang sehingga masuk ke dalam hari siang dan pemandangan siang hari yang memanjang sehingga masuk ke dalam hari malam, juga pemandangan matahari dan bulan yang diletakkan orbitnya masing-masing, keduanya beredar di dalam batas-batas yang telah ditetapkan Allah sehingga sampai kepada suatu masa yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Allah yang menciptakan kedua-duanya dan mengetahui hakikat kedua-duanya, juga hakikat manusia dan amalan-amalan yang dilakukan mereka:

أَلَّمْ تَرَأَنَ اللَّهَ يُولِجُ الْيَلَ في النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ  
فِي الْيَلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلُّهُمْ لَيَخْرُجُ إِلَى أَجَلٍ  
مُسَمَّى وَإِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

"Tidakkah engkau lihat bagaimana Allah memasukkan malam hari ke dalam siang hari dan memasukkan siang hari ke dalam malam hari dan menundukkan matahari dan bulan semuanya masing-masing beredar menuju ke satu masa yang tertentu dan sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(29)

Al-Qur'an menggunakan pemandangan alam buana ini sebagai dalil yang menggerakkan fitrah manusia mengenai persoalan yang terkenal ini:

ذَلِكَ يَأْنَ اللَّهُ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ  
الْبَطْلُ وَأَنَّ اللَّهُ هُوَ أَعْلَى الْكَيْرِ ٢٩

"Peraturan itu menyaksikan bahawa Allah sahaja yang benar dari tuhan-tuhan yang didakwakan mereka selain dari Allah itu adalah palsu belaka dan sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(30)

Kemudian Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan satu penerangan yang lain mengenai ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia dalam bentuk kapal-kapal yang belayar di dalam lautan:

الَّتِرَانَ الْفُلُكَ بَجَرِ فِي الْبَحْرِ بِنَعْمَتِ اللَّهِ لِيُرِيكُمْ  
مِّنْ إِيمَانِهِ ٣١

"Tidakkah engkau lihat bahawa kapal-kapal itu belayar di dalam lautan dengan ni'mat Allah untuk memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya."(31)

Kemudian diiringi dengan meletakkan mereka di hadapan logik fitrah ketika menghadapi malapetaka laut dengan sikap yang bersih dari perasaan takbur kerana mempunyai qudrat kuasa dan ilmu pengetahuan yang menjauhkannya dari Allah Penciptanya. Al-Qur'an menggunakan logik ini sebagai dalil dalam persoalan tauhid:

وَإِذَا عَشَيْهُمْ مَوْجٌ كَأَلْظَلَلِ دَعَوْا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ  
الَّذِينَ فَلَمَّا نَجَّهُمْ إِلَى الْبَرِّ فَنَهُمْ مُقْتَصِدُونَ وَمَا  
يَحْدُثُ إِلَيْنَا إِلَّا كُلُّ خَتَارٍ كُفُورٌ ٣٢

"Dan apabila mereka dilanda gelombang lautan laksana bukit, mereka terus berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, kemudian apabila Allah selamatkan mereka sampai ke daratan, maka hanya sebahagian dari mereka sahaja yang bersikap sederhana. Dan tiada yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya pemungkir-pemungkir janji yang amat kufur."(32)

Sesuai dengan pemandangan gelombang lautan dan malapetakanya, Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan malapetaka yang paling besar ketika menjelaskan persoalan hari Akhirat, iaitu malapetaka yang memutuskan hubungan darah yang tidak dapat diputuskan oleh mana-mana malapetaka dunia:

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمْ وَلَا خُشُوْبًا يَوْمًا لَا يَجْزِي

وَالْدُّنْعَنَ وَلَدَهُ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَازِعٌ وَالْدُّهُ شَيْئًا  
إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغْرِيَنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا  
وَلَا يُغْرِيَنَّكُمْ بِاللَّهِ الْغَرُورُ ٣٣

"Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Allah dan takutlah hari Akhirat, di mana si bapa tidak dapat sedikit pun menyelamatkan anaknya dan si anak tidak dapat menyelamatkan bapanya. Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh itu janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia dan janganlah kamu ditipu syaitan dalam menta'ati Allah."(33)

Dengan penerangan yang menggoncangkan hati ini, maka surah ini ditamatkan dengan satu ayat yang menjelaskan semua persoalan yang telah dibicarkan tadi. Ia menjelaskan dalam satu nada kenyataan yang kuat, mendalam dan menakutkan:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدُهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ  
وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَاذَا تَكْسِبُ  
غَدَاءً وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ  
حَسْنَيْرٌ ٣٤

"Sesungguhnya pengetahuan mengenai masa Qiamat itu tersimpan di sisi Allah. Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui kandungan di dalam rahim, dan tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan diperolehinya pada esok hari, dan tiada seorang pun yang mengetahui di bumi manakah dia akan mati? Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya."(34)

Keempat-empat pusingan ini dengan segala cara dan uslub, penerangan-penerangan dan dalil-dalilnya serta susunan-susunan ayat-ayatnya merupakan satu contoh uslub Al-Qur'anul-Karim di dalam mengubati hati manusia. Uslub yang dipilih ini adalah datang dari Allah yang menciptakan hati manusia dan mengetahui segala pintu-pintunya dan segala jalan yang layak dengannya dan mendatangkan kebaikannya. Sekarang marilah kita huraikan penerangan secara umum ini dengan terperinci. Kami akan kemukakan empat pusingan ini di dalam dua pelajaran sahaja kerana adanya keselarasan dan pertalian yang erat di antara keduanya.

\* \* \* \* \*

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

الْمٰ  
١  
تَلَكَّءَ إِيَّاهُ الْكِتَابُ الْحَكِيمُ  
٢  
هُدَىٰ وَرَحْمَةٌ لِلْمُحْسِنِينَ ٣

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ  
هُمْ يُوقَنُونَ  
أُولَئِكَ عَلَى هُدَىٰ مِنْ رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

"Alif. Laam. Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an) yang bijaksana(2). Menjadi hidayat dan rahmat kepada para Muhsinin(3). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat(4). Merekalah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

#### *Al-Qur'an Bercirikan Bijaksana, Hidayat Dan Rahmat*

Pembukaan surah dengan huruf-huruf potongan "Alif. Laam. Miim." dan menyatakan: "**Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang bijaksana**" untuk mengingatkan manusia bahawa ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an ini adalah digubah dari huruf-huruf yang sejenis dengan huruf-huruf potongan tadi sebagaimana telah dijelaskan di dalam surah-surah yang dimulakan dengan huruf-huruf potongan. Pemilihan sifat kitab suci Al-Qur'an yang telah disifatkan dengan ciri "**bijaksana**" ialah kerana maudu' hikmat kebijaksanaan telah disebut berulang-ulang kali di dalam surah ini. Oleh sebab itulah ia dipilih sebagai satu sifat dari sifat-sifat kitab suci Al-Qur'an dalam suasannya yang sesuai mengikut cara Al-Qur'anul-Karim. Penyifatan kitab suci Al-Qur'an dengan sifat "**bijaksana**" memberikan bayangan-bayangan sifat hidup dan iradat seolah-olah Al-Qur'an itu satu makhluk hidup yang bersifat bijaksana di dalam segala kata-kata dan arahannya, juga mempunyai tujuan mengenai apa yang dikatakannya dan mempunyai matlamat yang tertentu yang dituju olehnya. Dan memang begitulah sifat Al-Qur'anul-karim. Ia mempunyai roh, mempunyai hayat, mempunyai harakat dan mempunyai keperibadian yang tersendiri. Ia memberi kemesraan dan persahabatan yang dapat dirasakan oleh mereka yang hidup bersamanya dan bernaung di bawah bayangannya. Mereka merasa rindu dan saling mesra dengannya sama seperti perasaan saling mesra yang wujud di antara orang-orang yang hidup dan di antara para sahabat.

Kitab suci Al-Qur'anul-Karim atau ayat-ayatnya adalah:

هُدَىٰ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُحْسِنِينَ

"Menjadi hidayat dan rahmat kepada para Muhsinin."(3)

Itulah sifat semulajadi Al-Qur'an yang tetap. Ia menjadi hidayat dan rahmat kepada para Muhsinin. Yakni ia memberi hidayat kepada mereka ke jalan yang menyampaikan kepada Allah, yang tidak akan menyesatkan sesiapa yang menjalaniya. Ia memberi

rahmat kepada mereka, kerana ia mencurahkan ketenangan, ketenteraman dan kemantapan ke dalam hati manusia, juga kerana ia memimpin manusia ke arah pendapatan, kebajikan dan keuntungan dan kerana ia mengikatkan hubungan-hubungan yang baik di antara hati para Mu'minin yang mendapat hidayat, juga mengikatkan hubungan-hubungan yang baik di antara hati para Mu'minin dengan undang-undang alam buana yang menjadi tempat hidup mereka dengan nilai-nilai, keadaan-keadaan dan peristiwa-peristiwa yang dikenali hati yang mendapat hidayat dan fitrah yang tidak sesat dan menyeleweng.

#### *Kesan-kesan Solat, Zakat Dan Kepercayaan Kepada Akhirat*

Para Muhsinin ialah:

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ  
هُمْ يُوقَنُونَ

"Iaitu orang-orang yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat."(4)

Mendirikan solat dan menunaikannya dengan sempurna mengikut peraturan-peraturannya yang dilakukan dalam waktunya yang wajar, dapat merealisasikan hikmat dan kesannya dalam perasaan dan tingkah laku seseorang, di samping mengeratkan hubungan di antara hatinya dengan Allah dan mewujudkan kemesraan dengan-Nya dan menghayati kemanisannya yang membuat hatinya sentiasa cintakan solat. Memberi zakat membolehkan seseorang itu mengatasi tabiat bakhil semulajadinya dan menegakkan peraturan kehidupan bermasyarakat yang berlandaskan tolong-menolong dan gotong-royong. Orang-orang yang berada dan orang-orang yang tidak berada sama-sama mendapat faedah dari pemberian zakat itu iaitu mendapat perasaan percaya, tenteram dan kasih sayang yang tidak dapat dirosakkan oleh kemewahan dan kesulitan hidup. Keyakinan terhadap hari Akhirat pula merupakan jaminan kepada kesedaran hati manusia, jaminan kepada harapannya terhadap balasan-balasan dari sisi Allah, jaminan kepada usahanya untuk melepaskan diri dari belenggu-belenggu bumi, dan memandang rendah kepada keni'matan-keni'matan hidup dan sentiasa bermuraqabah dengan Allah sama ada dalam keadaan sulit atau terang, sama ada dalam urusan yang kecil atau besar, dan jaminan sampainya kepada maqam ihsan yang ditanya kepada Rasulullah s.a.w. dan dijawab oleh beliau:

الإِحْسَانُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَكُ

"Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau nampak-Nya dan jika engkau tidak nampak-Nya, maka Dia nampak engkau."<sup>1</sup>

#### *Hubungan al-Qur'an Dengan Para Muhsinin*

Untuk para Muhsinin inilah kitab suci Al-Qur'an menjadi hidayat dan rahmat kepada mereka. Oleh kerana hati mereka terbuka dan jernih, maka mereka mendapat ketenangan dan ketenteraman dalam persahabatan dengan kitab suci ini. Mereka dapat berhubung dengan hidayat dan nur yang terdapat di dalam kitab itu. Mereka memahami tujuan-tujuan dan matlamat-matlamatnya yang bijaksana. Jiwa mereka mendapat kedamaian dengannya dan merasa secocok, harmoni sehaluan dan jelas jalan yang ditujuinya. Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi kesannya kepada setiap hati mengikut sejauh mana hati itu peka, terbuka dan terang, juga mengikut sejauh mana kasihnya, kerinduannya dan kebanggaannya terhadap Al-Qur'an. Sesungguhnya Al-Qur'an bersifat hidup dan mesra terhadap hati yang ingin bersahabat. Ia tetap membalaq perasaan-perasaan rindu dan kasih sayang yang diharapkan kepadanya.

Mereka yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat, maka:

أُولَئِكَ عَلَى هُدَىٰ مِنْ رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ  
⑤

"Merekalah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

Sesiapa yang mendapat hidayat bererti dia telah beruntung, dia telah berjalan di atas nur, ia telah sampai ke matlamat, dia telah terselamat dari kesesatan di dunia dan terselamat dari akibat-akibat kesesatan di Akhirat. Dia dapat menjalani hidupnya dengan tenang di bumi, dengan langkah-langkahnya yang selaras dengan peredaran bintang-bintang dan planet-planet, selaras dengan undang-undang alam buana. Dia merasa mesra, tenang dan saling kasih terhadap setiap makhluk di alam buana ini.

\*\*\*\*\*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

##### *Golongan Manusia Yang Mengumpulkan Cerita-cerita Yang Melalaikan*

Orang-orang yang mendapat hidayat dengan Al-Qur'an dan ayat-ayatnya, orang-orang yang Muhsinin, orang-orang yang mendirikan solat, orang-orang yang mengeluarkan zakat, orang-orang yang yakin kepada hari akhirat, orang-orang yang beruntung di dunia dan di Akhirat; mereka merupakan satu golongan manusia, dan sebagai lawan mereka terdapat pula satu golongan manusia yang lain iaitu:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي لَهُوَ الْحَدِيثُ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَخَذَهَا هُرُوزًا أَوْ لَتِيكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ  
وَإِذَا تُتْلَى عَلَيْهِ مَا يَكُنُوا لِي مُسْتَكْبِرًا كَانَ لَهُ يَسْمَعُهَا كَانَ فِي أَذْنَيْهِ وَقَرَافَقَتْرِهِ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ  
⑥

"Dan di antara manusia ada orang-orang yang membeli cerita-cerita yang melalaikan untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari agama Allah tanpa sebarang pengetahuan dan mempersenda-sendakannya. Mereka akan mendapat azab yang amat menghinakan (6). Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia terus berpaling dengan angkuh seolah-olah dia tidak mendengarnya, seolah-olah ada penyumbat di dalam telinganya. Oleh kerana itu gembirakannya dengan balasan azab yang amat pedih."(7)

Yang dimaksudkan dengan cerita-cerita yang melalaikan ialah setiap percakapan yang melalaikan hati dan membuang waktu dan tidak mendatangkan sebarang kebaikan dan hasil yang layak dengan tugas manusia yang dilantik sebagai khalifah di bumi dengan tujuan supaya ia mengimarahkannya dengan kebijikan, keadilan dan kebaikan. Islam telah pun menjelaskan garis-garis tugas ini, menerangkan tabiatnya, batas-batasnya dan sarana-sarananya dan menggariskan jalan-jalan pelaksanaannya. Ayat ini adalah satu ayat yang umum untuk menggambarkan satu contoh manusia yang wujud di setiap zaman dan tempat. Setengah-setengah riwayat menyebut bahawa ayat ini adalah untuk menggambarkan satu peristiwa yang tertentu yang berlaku di dalam angkatan Jamaah Islam yang pertama, di mana an-Nadhr ibn al-Harith telah membeli kitab-kitab yang mengandungi dongeng-dongeng bangsa Parsi dan cerita-cerita pahlawan-pahlawan dan perperangan mereka, kemudian dia duduk di tengah jalan yang dilalui orang-orang Islam yang pergi untuk mendengar Al-Qur'an dari Rasulullah s.a.w. dengan tujuan untuk menarik hati mereka mendengar cerita-cerita dongeng itu supaya mereka meminggirkan kisah-kisah Al-Qur'an. Tetapi sebenarnya tujuan ayat ini adalah lebih umum dari peristiwa khusus ini lagi andainya riwayat ini sahih. Ayat ini menggambarkan satu golongan manusia yang mempunyai ciri-ciri yang jelas. Mereka wujud di setiap masa dan pernah wujud di zaman da'wah pertama dalam masyarakat Makkah di mana turunnya ayat ini.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي لَهُوَ الْحَدِيثُ

"Dan di antara manusia ada orang-orang yang membeli cerita-cerita yang melalaikan."(6)

Mereka membelinya dengan hartanya, dengan waktunya dan dengan hidupnya. Mereka membayar dengan harga-harga yang mahal untuk mendapat hiburan yang murah dan membuang umur yang

<sup>1</sup> Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam Kitab al-Iman.

terbatas yang tidak dapat dikembalikan semula. Dia membeli cerita-cerita yang melalaikan ini “Untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari agama Allah tanpa sebarang pengetahuan dan mempersenda-sendakannya” yakni dia seorang yang jahil dan terhijab (dari nur hidayat), dia tidak bertindak dengan ilmu pengetahuan, tidak mempunyai tujuan yang bijak, malah dia mempunyai niat dan tujuan yang jahat. Dia mahu menyesatkan orang ramai dari jalan Allah, iaitu menyesatkan dirinya sendiri dan orang lain dengan cerita-cerita yang melalaikan ini, iaitu cerita-cerita yang membuang umurnya. Dia seorang yang biadab yang memperolok-olokkan agama Allah dan mempermain-mainkan peraturan hidup yang telah diaturkan Allah untuk kehidupan manusia. Justeru itulah Al-Qur'an melayani golongan ini dengan penghinaan dan ancaman sebelum ia menyempurnakan gambaran mereka “mereka akan mendapat azab yang amat menghinakan”. Ia sifatkan azab itu sebagai “azab yang amat menghinakan” dengan tujuan membalaq perbuatan mereka yang biadab yang memperolok-olokkan agama Allah yang lurus.

Kemudian Al-Qur'an kembali menyempurnakan gambaran golongan ini:

وَإِذَا نُتْلِي عَلَيْهِ مَا يَكْتُنُوا لَّا يُسْتَكِنُوا كَانَ لَهُمْ حَتَّىٰ  
يَسْمَعُوهَا

*“Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia terus berpaling dengan angkuh seolah-olah dia tidak mendengarnya.”(7)*

Pemandangan ini menggambarkan keadaan gerak-geri manusia yang angkuh, enggan menerima dan bersikap menghinakan. Oleh itu Al-Qur'an memberi tikaman yang menghinakan keadaan gerak-gerinya:

كَانَ فِي أَذْنِيهِ وَقْرًا

*“Seolah-olah ada penyumbat di dalam telinganya.”(7)*

Seolah-olah keberatan pendengarannya itulah yang menghalanginya dari mendengar ayat-ayat Al-Qur'an yang mulia. Tentulah tidak ada orang yang mempunyai telinga yang dapat mendengar ayat-ayat Al-Qur'an ini kemudian ia menolaknya dalam bentuk yang amat keji ini. Kemudian kenyataan yang menghinakan itu diakhiri dengan ejekan yang amat jelas:

فَبَشِّرْهُ بِعَذَابِ أَلِيمٍ

*“Oleh kerana itu gembirakannya dengan balasan azab yang amat pedih.”(7)*

Berita gembira yang dimaksudkan di sini tidak lain me-lainkan sejenis penghinaan yang, sesuai dengan orang-orang yang takbur dan suka memperolok-olokkan agama Allah.

\*\*\*\*\*

### (Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

#### *Hubungan Iman Dan Amalan Yang Soleh*

Sesuai dengan penerangan mengenai balasan terhadap orang-orang kafir yang angkuh dan menolak da'wah itu, maka Al-Qur'an menerangkan pula dengan lebih terperinci balasan keuntungan kepada orang-orang Mu'min yang mengerjakan amalan yang soleh yang telah pun diterangkan di permulaan surah ini dengan ringkas:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّتُ  
النَّعِيمِ

خَلِيلِنَّ فِيهَا وَعَدَ اللَّهُ حَقًّا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

*“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan memperolehi Syurga-syurga yang penuh ni'mat(8). Mereka hidup kekal di dalamnya. Itulah janji Allah yang benar dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.”(9)*

Apabila Al-Qur'anul-Karim menyebut balasan, maka sebelum itu ia selalu menyebut amalan yang soleh bersama iman, kerana tabi'at 'aqidah Islam menghendaki bahawa iman itu tidak hanya sekadar berada di dalam hati manusia sebagai hakikat yang mujarrad, pasif, beku dan tersembunyi di dalam hati sahaja, malah iman merupakan satu hakikat yang hidup, dinamis dan bergerak. Sebaik sahaja iman bertapak di dalam hati dan berkembang dengan sempurna ia akan terus bertindak untuk menonjolkan dirinya di dalam bentuk amalan, pergerakan dan tingkahlaku, juga untuk menterjemahkan tabi'atnya dengan kesan-kesan yang nyata di alam kenyataan, iaitu kesan-kesan yang mencerminkan apa yang tersembunyi di dalam alam dhamir.

Orang-orang yang beriman dan membuktikan keimanan mereka dengan amalan-amalan yang soleh, mereka “Akan memperolehi Syurga-syurga yang penuh ni'mat”. Mereka akan memperolehi Syurga-syurga dan hidup yang kekal sebagai menepati janji Allah, “Itulah janji Allah yang benar”. Limpah kemurahan Allah terhadap para hamba-Nya sampai kepada tahap komitmen yang mewajibkan dirinya mengurniakan ihsan kepada mereka sebagai balasan terhadap amalan mereka yang baik terhadap diri mereka sendiri bukannya terhadap Allah, kerana Allah Maha Kaya dan tidak berhajat kepada sekalian makhluk. “Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana” yakni Maha Kuasa untuk melaksanakan janji-Nya dan Maha Bijaksana menciptakan makhluk-Nya, menetapkan janji-Nya dan melaksanakannya.

\*\*\*\*\*

## (Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Bukti kekuasaan dan kebijaksanaan Allah dan dalil-dalil persoalan-persoalan yang lepas yang dibicarakan di dalam surah ini ialah alam buana yang amat luas ini. Tiada siapa dan tiada seorang manusia pun yang boleh mendakwa bahawa dia adalah yang menciptakan alam ini selain dari Allah. Alam buana yang luas ini mempunyai peraturan yang rapi. Ia diciptakan dengan susunan-susunan yang amat seimbang yang mengagumkan hati. Alam buana menghadapi fitrah manusia dengan terus terang hingga fitrah itu tidak berdaya melepaskan diri darinya atau berpaling darinya, ia tidak berupaya selain dari mengakui Wahdaniyah Allah Pencipta Yang Maha Agung dan mengakui kesesatan orang-orang yang memperseketukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang lain sebagai suatu perbuatan yang menyalimi kebenaran yang amat terang dan nyata:

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرْوَهَا وَالْقَيْنِ فِي الْأَرْضِ  
 رَوَسَى أَنَّ تَمَيِّدَ بِكُمْ وَيَثْ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَآبَةٍ وَأَنْزَلَنَا  
 مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَابْتَشَنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٌ  
 هَذَا خَلْقُ اللَّهِ فَأَرُونِي مَاذَا خَلَقَ الْذِينَ مِنْ دُونِهِ  
 بَلِ الظَّالِمُونَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١١﴾

"Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu, dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu, dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang, dan Kami turunkan air dari langit lalu Kami tumbuhkan di bumi segala jenis tanaman yang berpasangan yang cantik(10). Inilah ciptaan-ciptaan Allah. Oleh itu tunjukkan pula kepada-Ku apakah makhluk-makhluk yang telah diciptakan oleh tuhan-tuhan yang lain dari-Nya. Malah sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(11)

*Pengertian Langit Dan Keagungannya*

Langit dengan pengertiannya yang zahir - pengertian tanpa kajian yang mendalam di dalam mana-mana penyelidikan ilmiyah yang canggih - yang mencabar penglihatan dan hati manusia adalah satu makhluk yang amat besar, amat luas dan amat tinggi. Sama ada yang dikatakan langit itu ialah planet-planet, bintang-bintang, galaksi-galaksi, nebulanebula yang terapung-apung di angkasa lepas yang tiada siapa mengetahui rahsianya dan batas sempadannya selain Allah, atau yang dikatakan langit itu ialah kubah atau bumbung alam yang dilihat dengan mata dan tiada siapa yang mengetahui hakikatnya... sama ada itu atau ini yang dikatakan langit, namun yang tetap wujud di sana ialah makhluk-makhluk yang amat besar yang tergantung-gantung tanpa tiang-tiang yang memegangnya. Ia

boleh dilihat oleh manusia di mana sahaja mata mereka memandang sama ada di waktu malam atau siang walaupun sejauh mana mereka belayar di atas planet bumi mereka. Dengan hanya melihat dengan mata kasar sahaja tanpa memahami hakikat besarnya yang memeningkan kepala itu sudah cukup untuk menimbulkan perasaan gementar di dalam hati manusia terhadap kebesaran langit yang tiada kelihatan batas dan penghabisannya itu, terhadap peraturan yang amat mengagumkan, yang memegang makhluk-makhluk yang besar itu dengan begitu rapi, terhadap keindahan langit yang tidak jemu dipandang mata dan tidak puas diteliti hati. Keindahannya menawan seluruh hati dan membuat hati tidak mahu pulang walaupun sepanjang mana ia merenunginya. Bagaimana pula nanti andainya seseorang itu tahu bahawa setiap noktah dari noktah-noktah yang kecil yang terapung-apung dan bersinar di angkasa raya itu adalah mungkin berjuta-juta kali lebih besar dari bumi yang menanggungnya.

*Bumi Dengan Kejadian-kejadiannya Yang Mena'jubkan*

Dari penjelajahan yang jauh di angkasa lepas berdasarkan penerangan sepintas lalu ayat "Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu", Al-Qur'an membawa hati manusia kembali ke bumi yang amat kecil seperti debu yang tidak sampai sebesar sebiji abus dalam blok alam buana yang amat besar ini. Ia membawa hati manusia pulang ke bumi yang dilihatnya amat luas saujana, yang tidak sempat dijelajahi oleh seseorang manusia di merata pelosoknya di dalam usianya yang pendek walaupun seluruh umumnya dihabiskan di dalam penjelajahan dan pengembaraan yang tidak berhenti-henti, ia membawa hati manusia pulang ke bumi supaya ia melihat bumi itu semula dengan hatinya yang terbuka dan penuh sedar dan supaya ia menghapuskan rasa jemu kerana terlalu kerap dan terlalu biasa melihat pemandangan-pemandangan bumi yang mena'jubkan itu.

وَالْقَيْنِ فِي الْأَرْضِ رَوَسَى أَنَّ تَمَيِّدَ بِكُمْ

"Dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu."(10)

Menurut ahli kaji bumi gunung-ganang itu ialah lengkungan-lengkungan yang mengalun di kulit bumi akibat kesejukan perut bumi dan kebekuan gas-gas di dalamnya, serta kesusutan saiz gas yang menyebabkan kulit bumi itu mengecut dan berkelok-kelok melahirkan kawasan-kawasan tanah tinggi dan tanah rendah mengikut kekecutan perut bumi dan saiz gas-gas ketika ia sejuk dan merosot di sana sini. Sama ada teori ini betul atau tidak, namun Al-Qur'an menjelaskan bahawa kewujudan gunung-ganang itu dapat memelihara imbangan bumi, memantapkan kedudukannya, tidak terhoyong-hayang, terumbang-ambing dan bergoyang-goyang. Mungkin teori ahli kajibumi ini betul dan penonjolan gunung-ganang dalam bentuknya yang ada sekarang dapat

memelihara imbalan kedudukan bumi ketika berlakunya kekecutan gas-gas dan kesusutan kulit bumi di sana sini. Oleh itu penonjolan gunung-ganang itu dapat mengimbangkan kerendahan kawasan tanah yang wujud dikulit bumi. Tetapi di dalam segala hal, keterangan Allah itulah yang merupakan keterangan yang paling unggul, kerana Allah merupakan pemberi keterangan yang paling benar.

### وَيَتَّفَهَّمُ كُلُّ دَآبَةٍ

"Dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang."(10)

Inilah salah satu keajaiban alam buana yang besar, kerana kewujudan hayat dimuka bumi ini merupakan satu rahsia yang tiada siapa pun boleh mendakwa bahawa dia mengetahuinya dan boleh memberi pentafsirannya, iaitu rahsia hayat pada bentuk pertamanya iaitu bentuk sel yang tunggal yang bersahaja dan amat kecil. Bagaimana pula dengan rahsia hayat yang besar di dalam berbagai-bagai jenis, spesies dan bentuk rupa yang tidak dapat diketahui dan dikira manusia? Walaupun demikian, kebanyakan manusia melalui di hadapan keajaiban-keajaiban ini dengan mata yang tertutup dan dengan hati yang membuta seolah-olah mereka melalui di hadapan sesuatu yang biasa yang tidak menarik perhatian, sedangkan mereka berdiri kagum di hadapan alat rekaan manusia yang bersahaja, kecil dan mudah pula susunannya apabila dibandingkan dengan salah satu sel yang hidup dengan pergerakannya yang tersusun begitu halus dan mena'jubkan. Apatah lagi dengan hidup-hidupan lain yang lebih canggih, dan lebih-lebih lagi kejadian manusia yang mempunyai tubuh badan yang mengandungi ratusan makmal kimia yang aneh, ratusan stor simpanan dan pembahagian, ratusan stesen radio untuk mengirim dan menerima perutusan dan ratusan fungsi yang canggih yang tiada siapa mengetahui rahsianya selain Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

*Di Sebalik Turunnya Air Hujan Dan  
Tumbuhnya Tumbuhan*

### وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَابْتَسَأْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٌ

"Dan Kami turunkan air dari langit lalu kami tumbuhkan di bumi segala jenis tanaman yang berpasangan yang cantik."(10)

Turunnya air dari langit merupakan salah satu dari keajaiban-keajaiban alam buana yang kita laluinya dengan hati yang lalai. Air yang memenuhi sungai-sungai, tasik-tasik dan memancarkan matair-matair adalah turun dari langit mengikut satu peraturan yang amat rapi yang ada hubungan dengan peraturan langit dan bumi dengan nisbah-nisbah dan dimensi-

dimensi jarak yang tertentu di antara keduanya, juga dengan tabiat dan susunan kejadiannya.

Tumbuhnya tumbuh-tumbuhan dari bumi setelah turunnya air merupakan satu lagi keajaiban yang tidak putus-putus, iaitu keajaiban hayat, keajaiban timbulnya berbagai-bagai jenis makhluk yang hidup dan keajaiban warisan sifat-sifat yang tersembunyi di dalam benih yang kecil untuk menonjolkan dirinya pada tumbuh-tumbuhan dan pokok yang besar. Kajian mengenai pengagihan warna-warni pada sekuntum bunga pada satu tumbuhan akan membawa hati yang terbuka kepada lubuk rahsia hayat dan kepada lubuk iman kepada Allah yang telah menciptakan hayat itu.

Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah menumbuhkan tanaman itu dengan berpasangan-pasangan yang cantik. Ini adalah satu hakikat besar yang baru diketahui oleh sains melalui penyelidikan. Setiap tumbuhan mempunyai sel-sel jantan dan sel-sel betina sama ada terkumpul pada sekuntum bunga atau pada dua kuntum bunga di ranting yang sama atau terpisah pada dua ranting atau pada dua pokok. Buah tidak akan wujud melainkan selepas berlakunya proses pertemuan atau perkahwinan di antara pasangan tumbuh-tumbuhan sebagaimana yang berlaku pada haiwan dan insan.

Pasangan itu disifatkan dengan "Karim" (cantik) ini memberi satu pengertian khusus yang dikehendaki di tempat ini supaya pasangan-pasangan itu layak menjadi "Ciptaan Allah" dan supaya ia dapat ditunjukkan kepada semua mata "Inilah ciptaan Allah" dan dengan ini Allah mencabar mereka dan dakwaan mereka yang karut:

### هَذَا خَلْقُ اللَّهِ فَأَرُونِي مَاذَا خَلَقَ الَّذِينَ مِنْ دُونِي

"Inilah ciptaan-ciptaan Allah. Oleh itu tunjukkan pula kepada-Ku apakah makhluk-makhluk yang telah diciptakan oleh tuhan-tuhan yang lain dari-Nya."(11)

Dengan ini dapatlah pula dia membuat kesimpulan yang amat tepat dengan waktunya:

### بَلِ الظَّالِمُونَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

"Malah sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(11)

Manakah kesesatan dan kezaliman yang lebih dari perbuatan syirik di tengah-tengah pameran alam buana yang amat gemilang dan besar ini?

\*\*\*\*\*

### (Pentafsiran ayat 12)

Kemudian pusingan yang kedua dimulakan dalam satu cara penerangan yang baru iaitu penerangan melalui cerita dan bimbingan secara tidak langsung. Ia memperkatakan persoalan syukur kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan membersihkan-Nya dari segala

jenis syirik, juga persoalan Akhirat, amalan dan balasan di tengah-tengah cerita itu:

*Luqman Dan Nasihatnya Yang Bijaksana*

وَلَقَدْ أَتَيْنَا الْقَمَنَ الْحِكْمَةَ أَنْ أَشْكُرُ اللَّهَ وَمَنْ يَشْكُرُ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ  
حَمِيدٌ ١٢

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kepada Luqman (dia berkata): Bersyukurlah kepada Allah dan barang siapa yang bersyukur, maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(12)

Hakikat siapakah Luqman yang dipilih oleh Al-Qur'an sebagai jurucakap yang menerangkan persoalan-persoalan tauhid dan Akhirat telah diterangkan oleh berbagai-bagai riwayat-riwayat, ada riwayat yang mengatakan beliau itu seorang nabi dan ada riwayat yang mengatakan beliau hanya seorang hamba yang soleh bukannya nabi. Kebanyakan Mufassirin berpegang dengan riwayat yang kedua ini. Kemudian dicerita pula bahawa beliau adalah seorang hamba bangsa Habsyah, dan ada pula cerita mengatakan beliau seorang yang berasal dari Nubah (di Timur Laut Afrika). Begitu juga ada cerita yang mengatakan beliau hidup dalam kalangan Bani Israel sebagai salah seorang dari hakim-hakim mereka. Walau bagaimanapun hakikat beliau, namun Al-Qur'an telah menjelaskan bahawa beliau telah dikurniakan Allah hikmat yang isi kandungan dan tujuannya ialah bersyukur kepada Allah, "Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kepada Luqman (dia berkata) Bersyukurlah kepada Allah", ini adalah bimbingan Al-Qur'an secara tidak langsung supaya bersyukur kepada Allah sebagai mencontohi Luqmanul-Hakim yang telah dipilih untuk mengemukakan kisahnya dan perkataannya. Di samping bimbingan secara tidak langsung ini terdapat pula satu bimbingan yang lain, iaitu kesyukuran kepada Allah merupakan satu bekalan yang berguna kepada orang yang bersyukur, sedangkan Allah terkaya darinya. Allah itu terpuji dengan zat-Nya walaupun tidak dipuji oleh sesiapa pun dari makhluk-Nya:

وَمَنْ يَشْكُرُ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ١٣

"Dan barang siapa yang bersyukur, maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(12)

Oleh itu orang yang paling tolol ialah orang yang tidak mengikut hikmat ini dan tidak mengumpul modal bekalan yang seperti ini untuk faedah dirinya.

\*\*\*\*\*

(Pentafsiran ayat 13)

*Perbuatan Syirik Merupakan Kezaliman Terhadap Allah*

Kemudian datang pula persoalan tauhid di dalam bentuk nasihat Luqmanul-Hakim kepada anaknya:

وَإِذْ قَالَ لَقَمَنُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْظُمُهُ وَيَبْتَئِلُ لَا شَرِيكَ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِيكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٤

"Dan (kenangilah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau sekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar."(13)

Ini adalah satu nasihat yang jujur kerana tiada lain tujuan seorang bapa melainkan supaya anaknya mendapat kebaikan dan tiada sikap yang wajar bagi seorang bapa terhadap anaknya melainkan memberi nasihat. Di sini Luqmanul-Hakim melarang anaknya dari mempersekutuan, Allah dengan alasan bahawa perbuatan syirik adalah suatu kezaliman yang amat besar. Beliau menekankan hakikat ini dua kali. Sekali dengan mehgumukkan larangan dan menjelaskan alasannya dan sekali lagi dengan menggunakan kata-kata penguat iaitu "inna" dan "lam" pada "Iazulmun". Inilah hakikat yang dikemukakan Nabi Muhammad s.a.w. kepada kaumnya lalu mereka mempertikaikannya dan mengatakan penceritaan ini sebagai ada udang di sebalik batu. Mereka takut penceritaan ini bertujuan untuk mencabut kekuasaan mereka dan menunjukkan kelebihan ke atas mereka. Apakah yang ada pada nasihat Luqmanul-Hakim yang dikemukakan kepada anaknya? Tidakkah nasihat seorang bapa kepada anaknya itu bersih dari segala kerugian dan jauh dari segala sangkaan yang buruk? Sebenarnya itulah hakikat yang amat tua yang disebut oleh setiap orang yang dikurniakan Allah pengetahuan hikmat yang bertujuan semata-mata untuk kebaikan bukannya tujuan yang lain darinya. Inilah penerangan psikologi yang dimaksudkan di sini.

\*\*\*\*\*

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

Di bawah bayangan nasihat bapa kepada anak, Al-Qur'an menjelaskan hubungan di antara dua ibu bapa dan anak-anak dengan uslub yang amat halus. Ia menggambarkan hubungan itu dengan satu gambaran yang menarik, penuh mesra dan lemah lembut, namun demikian hubungan 'aqidah adalah tetap diutamakan dari hubungan darah yang erat itu:

وَوَصَّيْنَا إِلَّا نَسَنَ بِوَالَّدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى  
وَهُنِّ وَفَصَدَلُهُ وَفِي عَامِينِ أَنْ أَشْكُرُ لِي وَلِوَالَّدَيْهِ  
إِلَى الْمَصْبِرِ ١٤

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَيْهِ أَنْ تُشْرِكَ بِيْ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ  
 عِلْمٌ فَلَا تُطْعِمُهُمَا وَصَاحِبَهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا  
 وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَى مَرْجِعِكُمْ  
 فَأُنْتُمْ كُمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

١٥

"Dan Kami telah menyuruh manusia supaya berbakti kepada dua orang tuanya. Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa engkau dan kepada-Ku tempat kembali(14). Dan jika mereka berdua, mendesak engkau supaya memperseketukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan kedua-duanya dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini, dan ikutilah jalan orang-orang yang kembali kepada-Ku, kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(15)

#### Berbakti Kepada Ibu Bapa

Perintah kepada anak-anak supaya berbuat baik kepada ibu bapa berulang-ulang kali disebut di dalam Al-Qur'anul-Karim dan di dalam suruhan-suruhan Rasulullah s.a.w., tetapi perintah kepada ibu bapa supaya berbuat baik kepada anak-anak hanya disebut sedikit sahaja dan kebanyakannya mengenai peristiwa menanam anak hidup-hidup, iaitu satu peristiwa tertentu yang berlaku di dalam suasana-suasana tertentu. Ini disebabkan kerana fitrah semulajadi sahaja sudah cukup untuk mendorong ibu bapa mengambil berat terhadap keselamatan anak-anaknya. Fitrah semulajadi memang didorong ke arah melindungi generasi baru untuk menjamin kesinambungan hayat sebagaimana yang dikehendaki Allah. Ibu bapa akan mengorbankan tubuh badan mereka, saraf mereka, umur mereka dan segala sesuatu yang mahal yang dimiliki mereka demi kepentingan anak-anak mereka. Mereka membuat pengorbanan-pengorbanan itu tanpa bersungut atau mengadu, malah tanpa kesedaran mereka, malah mereka berkorban dengan cergas dan senang hati seolah-olah mereka yang menerima. Pendeknya fitrah semulajadi sudah cukup untuk mendorong ibu bapa menjaga anak-anaknya tanpa perintah, tetapi kepada si anak pula ia perlu diperintah berulang-ulang kali supaya memberi perhatian kepada generasi ibu bapa yang berkorban dan yang berundur ke belakang hayat setelah muncurahkan usia dan jiwa mereka kepada generasi baru yang menghadapi masa depan hayat. Si anak tidak dapat mengantikan separuh pengorbanan yang telah dilakukan orang tuanya walaupun dia memberi seluruh umurnya untuk mereka. Gambaran menarik di dalam ayat "**Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun**" adalah menggambarkan bayangan dari

pengorbanan mereka yang luhur itu. Si ibu sudah tentu menanggung habuan pengorbanan yang lebih besar dan dia melakukan pengorbanan itu dengan perasaan kasih mesra yang lebih hebat, lebih mendalam, lebih lembut dan halus. Al-Hafiz Abu Bakr al-Bazzar telah meriwayatkan dalam musnadnya dengan sanadnya dari Burayd dari bapanya bahawa seorang lelaki mengerjakan tawaf dengan mendukung ibunya lalu dia bertanya Nabi s.a.w.: "Adakah saya telah membayar haknya (ibunya)?" Jawab beliau: "Tidak, tidak, walau senafas pun". Demikianlah dia tidak dapat membalsas budi ibunya walau senafas pun dari masa ia mengandung atau masa dia bersalin. Dia mengandungnya dengan mengalami kelemahan demi kelemahan.

Di bawah bayangan gambaran yang penuh mesra itu, Al-Qur'an menyuruh manusia supaya bersyukur kepada Allah selaku Pengurnia ni'mat yang pertama dan berterima kasih kepada ibu bapa selaku pembuat budi atau pemberi ni'mat yang kedua. Al-Qur'an mengatur kewajipan, mula-mula bersyukur kepada Allah kemudian berterima kasih kepada dua ibu bapa:

أَنْ أَشْكُرُ لِي وَالَّذِي كَانَ

"Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa engkau"(14)

kemudian ia kaitkan hakikat ini dengan hakikat hari Akhirat "**Dan kepada-Ku tempat, kembali**", di mana bergunanya modal bekalan amalan bersyukur itu.

Tetapi hubungan dua ibu bapa dengan anak itu walaupun begitu erat, mesra dan mulia, namun dalam susunan tertib ia hanya menduduki tempat yang kedua selepas hubungan 'aqidah. Baki perintah kepada manusia dalam hubungan mereka dengan ibu bapa ialah:

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَيْهِ أَنْ تُشْرِكَ بِيْ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ  
 عِلْمٌ فَلَا تُطْعِمُهُمَا

"Dan jika mereka berdua mendesak engkau supaya memperseketukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan kedua-duanya."(15)

Sampai di sini gugurlah kewajipan ta'at kepada dua ibu bapa, dan di sinilah meningkatnya hubungan 'aqidah meng-atasi segala hubungan yang lain. Walau bagaimana hebat usaha, perjuangan, desakan dan penerangan yang dikemukakan oleh ibu bapa dengan tujuan memujuk sianak supaya memperseketukan Allah dengan sesuatu yang tidak diketahui ketuhanannya, maka dia diperintah supaya jangan ta'at kepada kehendak dua ibu bapa itu. Itulah perintah dari Allah selaku tuan punya hati yang pertama yang pasti dita'ati.

Tetapi perbezaan 'aqidah di antara anak dan ibu bapa, juga perintah supaya jangan menta'ati ibu bapa dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan 'aqidah, tidaklah menggugurkan hak ibu bapa dari mendapat layanan yang baik dan persahabatan yang mesra dari anak-anaknya:

**وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا**

"Dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini."(15)

Hidup dunia ini hanya merupakan satu perjalanan yang pendek yang tidak menjelaskan hakikat yang pokok:

**وَاتَّبِعْ سَدِيلَ مَنْ أَنَّابَ إِلَيَّ**

"Dan ikutilah jalān orang-orang yang kembali kepada-Ku."(15)

Itulah jalan orang-orang yang beriman.

**ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ**

"Kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu."(15)

Iaitu selepas selesai perjalanan hidup dunia yang terbatas.

**فَإِنِّي عُلُوكٌ بِمَا كُنْتُ تَعْمَلُونَ** ١٥

"Dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(15)

Setiap orang akan menerima balasan dari amalannya iaitu amalan kufur atau bersyukur, syirik atau tauhid.

Menurut riwayat, ayat ini juga ayat Surah al-'Ankabut yang sama dan ayat al-Ahqaf adalah diturun kerana peristiwa Sa'd ibn Abu Waqqas dengan ibunya (sebagaimana saya telah jelaskannya di dalam juzu' yang kedua puluh dalam Surah al-'Ankabut). Menurut riwayat yang lain, ayat ini diturun kerana peristiwa Sa'd ibn Malik. Ini diriwayatkan oleh at-Tabrani dalam Kitab al-'Isyrah dengan sanadnya dari Daud bin Abu Hind. Kisah yang disebut dalam Sahih Muslim adalah dari hadith Sa'd ibn Abu Waqqas dan inilah riwayat yang lebih rajih. Maksud ayat ini adalah umum mencakupi segala keadaan yang sama. Ia mengatur hubungan-hubungan di samping mengatur kewajipan-kewajipan, iaitu hubungan dengan Allah merupakan hubungan yang pertama dan menjunjung perintah Allah merupakan kewajipan yang pertama. Al-Qur'anul-Karim menjelaskan dasar ini dan menekankannya pada setiap kesempatan dengan menggunakan berbagai-bagai cara supaya dasar ini tertanam di dalam hati orang-orang yang beriman dengan jelas tanpa sebarang keraguan dan kekaburan.

\*\*\*\*\*

### (Pentafsiran ayat 16)

Setelah selesai penerangan selingan di dalam nasihat Luqman kepada anaknya itu, Al-Qur'an menyambung pula nasihat Luqman yang berikut untuk menjelaskan persoalan hari Akhirat dengan hisabnya yang amat halus dan balasannya yang amat adil. Tetapi hakikat hisab dan balasan ini tidak dijelaskan secara bersendirian sahaja, malah dikemukakan di dalam ruangan alam buana yang luas dan dengan gambaran yang berkesan, yang membuat hati menggilir apabila ia menyedari ilmu Allah yang meliputi segala-galanya, iaitu ilmu Allah yang amat halus dan seni:

*Kesyumulan Ilmu Allah*

يَبْحِي إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرَدَلٍ فَتَكُنْ فِي  
صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ  
إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ حَبِيرٌ ١٦

"Wahai anakku! Sesungguhnya jika sesuatu amalan itu hanya seberat biji sawi dan sekalipun ia tersembunyi dalam batu atau berada di langit atau di bumi nescaya ia akan dibawakan Allah. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar."(16)

Tiada satu pengungkapan mengenai kehalusan dan kesyumulan ilmu Allah dan qudrat-Nya, juga mengenai kehalusan hisab dan keadilan pertimbangan Allah yang dapat mendampingi pengungkapan Al-Qur'an ini. Itulah kelebihan Al-Qur'an yang penuh mu'jizat, indah dan mendalam penerangannya<sup>2</sup>. Sebiji sawi yang kecil, terbuang dan tiada nilai tersembunyi dalam sebiji batu yang pejal, ia tidak kelihatan dan tidak dapat dihubungi "Atau berada di langit" iaitu di angkasa raya yang maha luas, di mana bintang yang besar kelihatan seperti sebiji noktah yang terapung-apung atau sebiji debu yang sesat "Atau di bumi" ia hilang tidak kelihatan di dalam debu-debu tanah dan batu-batunya "Nescaya akan dibawakannya oleh Allah" yakni ilmu Allah tetap mengikutinya dan qudrat Allah tetap menangkapnya "Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar". Ini adalah satu kesimpulan yang amat sesuai dengan pemandangan sesuatu yang tersembunyi dan seni.

Daya khayal kita terus mengikuti biji sawi di tempat persembuyinya yang amat dalam dan luas itu, dan menyedari bahawa ilmu Allah tetap mengikuti biji sawi itu hingga hati kita menjadi khusyu' dan kembali kepada Allah Yang Maha Halus dan mengetahui segala sesuatu yang tersembunyi. Dan di sebalik itu tertanamlah hakikat persoalan hari Akhirat yang mahu ditanamkan oleh Al-Qur'anul-Karim ke dalam

<sup>2</sup> Lihat bab dalam buku طرقۃ القرآن في الفن التصویر

hati manusia dengan cara penerangan yang amat menarik ini.

\*\*\*\*\*

### (Pentafsiran ayat 17)

#### *Susunan Program 'Aqidah*

Kemudian Al-Qur'an terus menceritakan nasihat Luqman kepada anaknya. Beliau membawa anaknya mengikuti langkah-langkah 'aqidah setelah ia tertanam di dalam hatinya, iaitu selepas beriman kepada Allah yang tanpa sebarang sekutu bagi-Nya dan selepas yakin kepada hari Akhirat yang tidak diraguinya sedikit pun itu dan selepas percaya kepada keadilan balasan Allah yang tidak terlepas dari-Nya walaupun sebesar sebiji sawi. Ia membawa anaknya kepada langkah yang kedua iaitu bertawajuh kepada Allah dengan ibadat solat dan menghadapi manusia dengan berda'wah kepada Allah dan sabar memikul tugas-tugas da'wah dan kesulitan yang pasti dihadapi:

يَبْنِي أَقْرَبَ الصَّلَاةِ وَأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَإِنَّهُ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمٍ  
**الأُمُورُ**  
١٧

"Wahai anakku! Dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat kebaikan dan larangkan mereka berbuat kemungkaran dan bersabarlah di atas kesusahan yang menimpa engkau. Sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman."(17)

Inilah jalan 'aqidah yang tersusun iaitu mentauhidkan Allah, menyedari wujudnya pengawasan Allah, meletakkan harapan pada balasan yang disediakan di sisi Allah, percaya kepada keadilan Allah dan takut kepada balasan Allah, kemudian berpindah pula kepada kegiatan berda'wah, iaitu menyeru manusia memperbaiki keadaan diri mereka, menyuruh mereka berbuat kebaikan dan melarang mereka berbuat kemungkaran. Dan sebelum menghadapi perjuangan menentang kejahatan itu, seseorang harus berbekal dengan bekalan utama iaitu bekalan ibadat kepada Allah, bertawajuh kepada Allah dengan solat dan sabar menanggung kesulitan yang dialami oleh setiap penda'wah kepada agama Allah, iaitu kesulitan akibat dari kedegilan dan penyelewengan hati manusia, kesulitan akibat dari kelancangan lidah dan dari kejahatan tindak-tanduk manusia, juga kesulitan akibat dari kesukaran kewangan dan pengorbanan jiwa ketika diperlukan keadaan "Sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman" Maksud dari "عزم الأمور" ialah memotong jalan ragu-ragu (atau menghapuskan sikap teragak-agak) setelah ditetapkan azam dan dikuatkan tekad.

\*\*\*\*\*

### (Pentafsiran ayat-ayat 18 - 19)

#### *Menjauhi Sikap Angkuh Semasa Berda'wah*

Kemudian Luqman menyentuh dalam nasihatnya adab cara berda'wah kepada Allah bagaimana yang diceritakan oleh Al-Qur'an di sini, kerana berda'wah kepada Allah tidak mengharuskan seseorang bersifat takbur terhadap manusia atau bersikap angkuh atas nama memimpin manusia ke arah kebaikan dan lebih-lebih lagi sikap angkuh tanpa berda'wah kepada kebaikan. Ini adalah lebih buruk dan lebih keji lagi:

وَلَا تُنْصِعْ رَحْدَكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرْحًا إِنَّ اللَّهَ  
لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ  
١٨

"Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak suka sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."(18)

Kata-kata "as-Sa'r" (الصر) bererti sejenis penyakit unta yang membuat lehernya menjadi teleng. Uslub Al-Qur'an telah memilih kata-kata ini untuk meliarkan manusia dari teleng angkuh yang serupa dengan teleng penyakit unta, iaitu gerak-geri sombong dan tidak menghiraukan manusia, lagak memaling muka menunjukkan kesombongan.

Berjalan di bumi dengan lagak yang sombong ialah berjalan dengan gaya takbur dan tidak mempedulikan manusia, iaitu satu lagak yang dibencikan Allah dan dimarahkan manusia. Gerak-geri dan lagak yang seperti ini adalah membayangkan seseorang itu ditimpa penyakit takbur "Sesungguhnya Allah tidak suka sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."

Disamping melarang berjalan dengan lagak yang sombong Al-Qur'an menerangkan cara berjalan yang sederhana dan mempunyai tujuan:

وَفَقِيدْ فِي مَسْيَكَ وَأَعْصِنْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ  
آلَّا صَوَاتٍ لَصَوْتٌ الْحَمِيرٍ  
١٩

"Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalananmu dan rendahkan suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."(19)

Maksud sederhana di sini ialah gaya berjalan yang hemat, jimat dan tidak melampau, tidak membuang tenaga menunjuk-nunjukkan lagak dan lenggang-lenggoknya yang sombong, juga gaya berjalan yang mempunyai matlamat kerana perjalanan yang mempunyai tujuan dan matlamat itu tidak teragak-agak dan tidak berlenggang-lengkok malah terus menuju kepada tempat tujuannya dengan mudah dan lancar.

Merendahkan suara ketika bercakap membayangkan adab sopan dan kepercayaan kepada diri sendiri dan keyakinan kepada kebenaran dan kekuatan apa yang diucapkannya. Hanya orang-orang yang biadab sahaja yang bercakap dengan suara yang keras dan bahasa yang kesat atau orang-orang yang ragu-ragu terhadap nilai perkataannya atau terhadap nilai dirinya sendiri lalu dia berusaha melindungi keraguan-nya itu di sebalik kata-katanya yang tajam, kasar dan keras.

Uslub Al-Qur'an membidas perbuatan-perbuatan seperti itu dan menggambarkannya dengan gambaran yang hina dan buruk apabila ia mengulas: "Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai" dengan ini terlukislah satu pemandangan yang lucu dan menjijikkan serta menimbulkan perasaan benci dan memandang keji. Tidak mungkin bagi seseorang yang mempunyai hati yang memahami gambaran yang lucu di sebalik pengungkapan yang indah ini kemudian ia cuba meniru suara keldai itu.

Demikianlah berakhirnya pusingan yang kedua setelah selesai memperkatakan persoalan yang pertama dengan penerangan dan uslab yang baru.

(Kumpulan ayat-ayat 20 - 34)

الْقَرَرُوا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ  
وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً وَظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً وَمِنَ النَّاسِ مَنْ  
يُجَدِّلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ  
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَتَيْعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَالْأُولَئِكَ لَنْ يَتَّبِعُوا مَا  
وَحْدَنَا عَلَيْهِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّمَا أَوْلَئِكَانَ الشَّيْطَانُ يَدْعُوهُمْ  
إِلَى عَذَابِ السَّعِيرِ

وَمَنْ يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدْ  
أَسْتَمْسَكَ بِالْعَرْوَةِ الْوُتْقِ وَإِلَى اللَّهِ عِقْبَةُ الْأُمُورِ

وَمَنْ كَفَرَ فَلَا يَحْرُنَكَ كُفُرُهُ وَإِنَّا مَرْجِعُهُمْ  
فَنَذِئُهُمْ بِمَا أَعْمَلُوا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَنَاتِ الْمُصْدُورِ

نُمْتَعِهُمْ قَلِيلًا ثُمَّ نَضْطَرُهُمْ إِلَى عَذَابٍ غَلِيظٍ

وَلَئِنْ سَأَلْتُهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ

اللَّهُ قُلْ الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَفِيْرُ  
الْحَمِيدُ

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَمٌ وَالْبَحْرُ يَمْدُدُهُ  
مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَا نَفَدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ

إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

مَا خَلَقْتُمْ وَلَا بَعْثَكُمُ الْأَكَنَفِسِ وَهِدَى إِنَّ اللَّهَ

سَمِيعٌ بَصِيرٌ

"Tidakkah kamu lihat bahwa Allah telah menundukkan untuk kamu segala kejadian yang ada di langit dan di bumi dan melimpahkan ke atas kamu ni'mat-ni'mat yang zahir dan yang batin? Di antara manusia ada orang yang mempertikaikan tentang Allah tanpa sebarang ilmu, tanpa sebarang petunjuk dan tanpa sebarang kitab suci yang terang(20). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah. Jawab mereka: Sebenarnya kami hanya mengikuti ajaran yang dipegang datuk nenek kami, sekalipun syaitan mengajak mereka kepada azab Neraka(21). Dan barang siapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah, sedangkan dia mengerjakan amalan yang baik, maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang amat kukuh. Dan kepada Allah kembalinya kesudahan segala urusan(22). Dan sesiapa yang kafir, maka janganlah kekafirannya itu merungsingkan engkau. Kepada Kami kembalinya sekalian mereka dan Kami akan memberitahu mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada(23). Kami hanya memberi ken'matan yang sebentar kepada mereka, kemudian Kami akan menyeretkan mereka ke dalam azab yang amat tebal(24). Dan jika engkau bertanya mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Alhamdulillah. Sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui(25). Allah jua yang memiliki langit dan bumi. Sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji(26). Andainya segala pokok yang ada di bumi ini dijadikan pena-pena dan lautan yang ditambahkan kemudiannya dengan tujuh lautan yang lain (dijadikan dakwat) nescaya tidak akan habis kalimat-kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (27). Penciptaan kamu dan kebangkitan kamu selepas mati hanya sama seperti mencipta dan membangkitkan seorang sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28).

الْقَرَرُوا أَنَّ اللَّهَ يُولِجُ الْيَلَى فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ  
فِي الْيَلِ وَسَخَّرَ السَّمَسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ يَجْرِي إِلَى أَجَلٍ  
مُسَمَّى وَإِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ حَمِيرٌ

ذَلِكَ يَأْنَ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَإِنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ

الْبَطْلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ ٢٠  
 أَتَرَأَنَّ الْفُلْكَ تَحْرِي فِي الْبَحْرِ بِنْعَمَتِ اللَّهِ لِيُرِيكُمْ  
 مِّنْ عَائِنَتِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِكُلِّ صَبَارٍ  
 شَكُورٍ ٢١

وَإِذَا غَسَيْهُ مَوْجٌ كَالْظَّلَلِ دَعَوْا اللَّهَ مُحِلِّصِينَ لَهُ  
 الَّذِينَ فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ فَنَهُمْ مُقْتَصِدُونَ وَمَا  
 يَجِدُ حُدُبَاعَيْتَنَا إِلَّا كُلُّ حَتَّارٍ كَفُورٍ ٢٢  
 يَتَأْيَهَا النَّاسُ أَتَقْوَارِبُكُمْ وَأَخْشَوْا يَوْمًا لَا يَجِزِي  
 وَالدُّعَنَ وَلَدَهُ وَلَامَوْلُودُ هُوَ جَازِعٌ وَالدِّهْشَ شَيْعًا  
 إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرِّنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا  
 وَلَا يُغَرِّنَّكُم بِاللَّهِ الْغَرُورُ ٢٣  
 إِنَّ اللَّهَ عِنْدُهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ  
 وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَاذَا تَكْسِبُ  
 غَدًّا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ  
 خَيْرٌ ٢٤

"Tidakkah engkau lihat bagaimana Allah memasukkan malam hari ke dalam siang hari dan memasukkan siang hari ke dalam malam hari dan menundukkan matahari dan bulan, semuanya masing-masing beredar menuju ke satu masa yang tertentu dan sesungguhnya. Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(29). Peraturan itu menyaksikan bahawa Allah sahaja yang benar dan tuhan. Tuhan yang didakwakan mereka selain dari Allah adalah palsu belaka dan sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar(30). Tidakkah engkau lihat bahawa kapal-kapal itu belayar di dalam lautan dengan ni'mat Allah untuk memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya. Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti bagi setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur(31). Dan apabila mereka dilanda gelombang lautan laksana bukit, mereka terus berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, kemudian apabila Allah selamatkan mereka sampai ke daratan, maka hanya sebahagian dari mereka sahaja yang bersikap sederhana. Dan tiada yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya pemungkir-pemungkir janji yang amat kufur(32). Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Allah dan takutilah hari Akhirat, di mana si bapa tidak dapat sedikit

pun menyelamatkan anaknya dan si anak tidak dapat menyelamatkan bapanya. Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh itu janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia dan janganlah kamu ditipu syaitan dalam menta'ati Allah(33). Sesungguhnya pengetahuan mengenai masa Qiamat itu tersimpan di sisi Allah. Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui kandungan di dalam rahim dan tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan diperolehinya pada esok hari, dan tiada seorang pun yang mengetahui di bumi manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya."(34).

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Pusingan yang ketiga dimulakan dengan satu tertib yang baru. Ia bermula dengan mengemukakan dalil-dalil alam buana yang berkaitan dengan manusia, iaitu berkaitan dengan kepentingan-kepentingan mereka, hidup mereka dan kehidupan mereka, juga berkaitan dengan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka, iaitu ni'mat-ni'mat yang zahir dan ni'mat-ni'mat yang batin yang dini'mati mereka, namun demikian mereka tidak merasa malu mempertikaikan tentang Allah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat itu. Dengan tertib inilah pusingan yang ketiga itu menjelaskan persoalan yang pertama yang telah dibicarakan di dalam pusingan yang pertama dan kedua.

أَتَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ  
 وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً وَظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً وَمِنَ النَّاسِ مَنْ  
 يُجَدِّلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدَى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ ٢٥  
 وَلَذَا قِيلَ لَهُمْ أَتَيْعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَبَعُ مَا  
 وَجَدْنَا عَلَيْهِءَا بَاءَنَا أَوْ لَوْ كَانَ الشَّيْطَانُ يَدْعُونَا  
 إِلَى عَذَابِ السَّعِيرِ ٢٦

"Tidakkah kamu lihat bahawa Allah telah menundukkan untuk kamu segala kejadian yang ada di langit dan di bumi dan melimpahkan ke atas kamu ni'mat-ni'mat yang zahir dan yang batin? Di antara manusia ada orang yang mempertikaikan tentang Allah tanpa sebarang ilmu, tanpa sebarang petunjuk dan tanpa sebarang kitab suci yang terang(20). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah. Jawab mereka: Sebenarnya kami hanya mengikut ajaran yang dipegang datuk nenek kami, sekalipun syaitan mengajak mereka kepada azab Neraka."(21)

Walaupun tarikan perhatian seperti ini berulang-ulang kali disebut di dalam Al-Qur'an dengan berbagai-bagai uslub, namun ia tetap kelihatan baru setiap kali ia dibentangkan, kerana alam buana ini sentiasa membaharu di dalam hati manusia setiap kali ia merenungnya dan memikirkan rahsia-rahsia dan keajaiban-keajaibannya yang tidak pernah habis itu.

Manusia tidak dapat meneliti seluruh rahsia dan keajaiban alam buana ini dalam usianya yang terbatas. Ia kelihatan muncul dengan warna yang baru dan kesan yang baru setiap kali ia direnungi dan diteliti.

Di sini Al-Qur'an mengemukakan rahsia-rahsia dan keajaiban-keajaiban alam buana itu dari segi keselarasan di antara keperluan-keperluan manusia yang hidup di permukaan bumi dengan struktur kejadian alam buana itu sendiri hingga meyakinkan kita bahawa keselarasan itu tidak mungkin wujud secara kebetulan begitu sahaja, malah pastilah diakui bahawa di sana adanya iradat Allah Yang Tunggal yang menyusun dan menyelaras di antara struktur kejadian alam buana yang besar ini dengan keperluan-keperluan manusia yang hidup di planet bumi yang kecil ini.

Seluruh bumi ini hanya merupakan sebiji debu di dalam bangunan alam buana ini dan manusia yang hidup di bumi ini adalah satu makhluk yang amat kecil jika dibandingkan dengan saiz bumi ini, juga jika dibandingkan dengan kekuatan-kekuatan dan dengan makhluk-makhluk yang lain sama ada yang bernyawa atau tidak bernyawa. Makhluk manusia tidak dapat dimasukkan ke dalam kiraan apa-apa dari segi saiz, timbangan dan kekuatan jasmaniah jika dibandingkan dengan bumi, tetapi limpah kurnia Allah yang telah meniupkan roh ke dalam diri manusia dan penghormatan Allah yang meletakkan darjat manusia mengatasi banyak makhluk-makhluk-Nya yang lain telah menjadikan makhluk manusia ini mempunyai kedudukan istimewa di dalam sistem alam buana ini. Allah telah melengkapkan manusia dengan daya qudrat untuk membolehkannya menggunakan berbagai-bagai tenaga alam ini, juga menggunakan berbagai-bagai isi pertabuharaan dan kebajikan-kebajikannya. Inilah maksud penundukan yang disebut di dalam ayat ini ketika memperkatakan tentang ni'mat-ni'mat Allah yang zahir dan yang batin. Ungkapan ni'mat-ni'mat yang zahir dan yang batin itu lebih umum dari maksud ungkapan penundukan segala apa yang ada di langit dan di bumi kerana kewujudan manusia dari tiada kepada ada merupakan ni'mat dan limpah kurnia Allah. Pelengkap manusia dengan tenaga-tenaga, potensi-potensi dan bakat-bakat merupakan ni'mat dari limpah kurnia Allah. Pengiriman para Rasul dan penurunan kitab-kitab suci merupakan limpah kurnia yang lebih besar dan ni'mat yang lebih agung. Penyambungan makhluk insan dengan roh dari ciptaan Allah sebelum ini merupakan ni'mat dari limpah kurnia Allah. Setiap nafas yang disedut dan setiap denyut jantung, setiap pemandangan yang dipungut mata, setiap bunyi yang ditangkap telinga, setiap fikiran yang terlintas di hati, setiap gagasan yang difikirkan akal adalah ni'mat-ni'mat dari limpah kurnia Allah belaka.

Allah telah menundukan segala apa yang ada di langit untuk faedah makhluk manusia. Allah membolehkan manusia mengambil manfa'at dari

cahaya matahari, cahaya bulan, bintang-bintang selaku pedoman, hujan, udara dan burung-burung yang terbang di sana sini, Allah juga telah menundukan segala apa yang ada di bumi untuk kepentingan manusia. Ini dapat diperhatikan dan difikirkan dengan lebih terang dan mudah lagi, kerana Allah telah melantikkan makhluk insan selaku Khalifah yang memerintah kerajaan bumi yang luas ini. Allah telah membolehkan manusia menggunakan segala isi pertabuharaan bumi sama ada yang zahir dan yang tersembunyi. Di antaranya ada yang diketahui manusia dan ada pula yang tidak diketahuinya melainkan setakat kesan-kesannya sahaja. Di antaranya ada yang tidak diketahui langsung oleh manusia iaitu rahsia-rahsia tenaga yang dimanfa'atkan mereka tanpa mengetahui hakikatnya. Pendeknya manusia di setiap sa'at malam dan siang sentiasa diselubungi ni'mat-ni'mat Allah yang amat luas yang tidak diketahui batasnya dan tidak terhitung jenis-jenisnya, tetapi di samping seluruh ni'mat ini, masih terdapat segolongan manusia yang tidak bersyukur, tidak mengenang limpah kurnia Allah, tidak melihat dan merenungi ni'mat-ni'mat Allah di sekeliling mereka dan tidak yakin terhadap Allah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat yang melimpah-ruah itu.

**وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا**

**كِتَابٌ مُّنِيرٌ**

"Di antara manusia ada orang yang mempertikaikan tentang Allah tanpa sebarang ilmu, tanpa sebarang petunjuk dan tanpa sebarang kitab suci yang terang." (20)

Pertikaian itu kelihatan begitu aneh dan keji di bawah bayangan dalil-dalil alam buana dan di samping ni'mat Allah yang melimpah-ruah itu. Keingkaran itu kelihatan begitu buruk dan menjijikkan fitrah dan hati nurani. Kumpulan manusia yang mempertikaikan hakikat Allah dan hubungan manusia dengan hakikat ini nampak jelas mempunyai fitrah yang sesat, mereka tidak menyambut seruan alam buana di sekeliling mereka. Mereka mengingkarkan ni'mat Allah. Mereka tidak malu mempertikaikan Allah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat yang melimpah-ruah ini. Kedudukan mereka bertambah buruk dan keji lagi apabila perdebatan itu dilakukan mereka tanpa bersandarkan kepada sebarang ilmu pengetahuan, tanpa berpandu kepada sebarang petunjuk Ilahi dan tanpa berpegang dengan mana-mana kitab suci yang menerangkan persoalan itu dan mengemukakan dalil-dalilnya.

**نَسْعَ مَا وَجَدْ نَاعَلَيْهِ إَبَاءَ نَأَى**

"Kami hanya mengikut ajaran yang dipegang datuk nenek kami." (21)

Itulah satu-satunya sandaran mereka. Itulah alasan mereka yang aneh, iaitu taqlid yang beku membuat tanpa bersandarkan kepada sebarang ilmu pengetahuan dan pemikiran. Itulah taqlid yang Islam mahu membebaskan mereka dari belenggunya. Islam

mahu membebaskan akal mereka supaya berfikir dengan teliti dan supaya akal mereka dipenuhi kesedaran, kegiatan dan nur hidayat, tetapi malangnya mereka enggan membebaskan diri mereka sendiri dari belenggu zaman lama yang sesat itu dan terus berpegang teguh dengan belenggu-belenggu itu.

Islam ialah kebebasan dhamir, kecergasan perasaan, kerinduan kepada nur hidayat dan sistem hidup yang baru yang bebas dari belenggu-belenggu taqlid. Namun demikian, masih ada golongan yang enggan menerima, menolak hidayat dari jiwa mereka dan mempertikaikan Allah tanpa sebarang ilmu pengetahuan, tanpa sebarang hidayat dan tanpa sebarang kitab suci yang jelas. Oleh sebab itu Al-Qur'an mengejek mereka dan secara halus menunjukkan kepada mereka akibat buruk yang akan menimpa mereka kerana sikap mereka yang meragukan itu:

**أَوْلَئِكَ الظَّالِمُونَ يَدْعُوهُمْ إِلَى عَذَابٍ أَسْعِيرٍ**

"Sekalipun syaitan mengajak mereka kepada azab Neraka."(21)

Sikap yang ditunjukkan mereka itulah da'wah syaitan kepada mereka dengan tujuan untuk menyeretkan mereka ke dalam azab Neraka. Apakah mereka masih berazam untuk mengikutinya walaupun ia membawa mereka kepada kesudahan yang dahsyat? Ini adalah satu cubitan yang menyedar dan menakutkan selepas dikemukakan dalil-dalil alam buana yang amat besar dan seni itu.

#### (Pentafsiran ayat-ayat 22 - 24)

##### Konsep Penyerahan Diri Kepada Allah

Sesuai dengan perdebatan yang degil yang tidak berdasarkan ilmu, tidak berpandukan hidayat dan tidak berpedomankan kitab suci, Al-Qur'an menunjukkan kepada satu sikap yang sepatutnya diikuti oleh seseorang terhadap dalil-dalil alam buana dan ni'mati'mat Allah yang melimpah-ruah itu.

**وَمَنْ يُسْلِمُ وَجْهَهُ وَإِلَيْهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدْ**

**أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَيْهِ عَقِبَةُ الْأَمْوَالِ**

"Dan barang siapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah, sedangkan dia mengerjakan amalan yang baik, maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang amat kukuh. Dan kepada Allah kembalinya kesudahan segala urusan."(22)

Penyerahan diri yang mutlak kepada Allah yang disertakan dengan amalan dan tingkahlaku yang baik, penyerahan diri dalam erti katanya yang sempurna, kepercayaan kepada taqdir Allah, kepatuhan menjunjung perintah-perintah Allah, tugas-tugas dan arahan-arahan-Nya yang disertakan dengan perasaan yang yakin dan tenteram terhadap rahmat dan ri'ayah Allah, kepuasan dan keredhaan jiwa yang tenang dan

riang adalah semuanya dilambangkan dengan ungkapan penyerahan "wajahnya kepada Allah" kerana wajah merupakan bahagian yang paling mulia dan tinggi pada manusia.

**وَمَنْ يُسْلِمُ وَجْهَهُ وَإِلَيْهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدْ**  
**أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ**

"Dan barang siapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah, sedangkan dia mengerjakan amalan yang baik, maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang amat kukuh"(22)

iaitu tali yang tidak pernah putus, tidak pernah lemah dan tidak pernah mengecewakan sesiapa yang berpegang dengannya sama ada di masa senang atau susah, dan tidak pernah menyesatkan sesiapa yang berpaut padanya di jalan yang sukar dan di malam yang gelap-gelita, yang gegak dengan ribut dan angin badai.

Tali yang amat kukuh ialah tali hubungan yang teguh dan penuh yakin yang wujud di antara hati yang beriman dan berserah dengan Tuhan. Itulah keyakinan dan ketenteraman menerima apa sahaja taqdir Allah, iaitu menerima dengan penuh kerelaan, ketenteraman dan keberanian dalam menghadapi peristiwa-peristiwa, meng-atasi rasa takbur ketika berada dalam kesenangan, meng-atasi masa kecil diri ketika berada di dalam kesusahan, mengatasi rasa kaget dan bingung ketika menghadapi kejutan-kejutan, mengatasi penindasan-penindasan di jalan iman dan mengatasi segala macam halangan yang berselerak di sana-sini.

Perjalanan hidup amat panjang, sukar dan penuh bahaya. Bahaya keni'matan dan kesenangan tidak kurang dari bahaya kesusahan. Ia memerlukan sandaran yang kuat dan tali yang teguh tidak putus. Simpulan tali yang amat kukuh ialah tali menyerah diri kepada Allah, patuh dan melakukan amalan-amalan yang baik "Dan kepada Allah kembalinya kesudahan segala urusan" yakni kepada-Nya tempat kepulangan. Oleh sebab itu adalah lebih baik bagi seseorang menyerahkan dirinya kepada Allah dari awal-awal lagi dan berjalan menuju kepada-Nya dengan penuh yakin dengan berpedomankan hidayat dan nur iman.

**وَمَنْ كَفَرَ فَلَا يَخْرُنُكَ كُفُرُهُ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ**  
**فَنَتَبَثِّهُمْ بِمَا أَعْمَلُوا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الْأَصْدُورِ**

**نَمْتَعِهُمْ قَلِيلًا ثُمَّ نَضْطَرُهُمْ إِلَى عَذَابٍ غَلِظٍ**

"Dan sesiapa yang kafir, maka janganlah kekafirannya itu merungsingkan engkau. Kepada Kami kembalinya sekalian mereka dan Kami akan memberitahu mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada(23). Kami hanya memberi

keni'matan yang sebentar kepada mereka, kemudian Kami akan menyeretkan mereka ke dalam azab yang amat tebal."(24)

Itulah kesudahan orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah dengan membuat amalan yang baik, dan inilah kesudahan orang yang kafir yang ditipu oleh keni'matankeni'matan hidup. Kesudahannya diperkecilkan kedudukannya kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada orang-orang yang beriman: "Dan sesiapa yang kafir, maka janganlah kekafirannya itu merungsingkan engkau" kerana kedudukannya terlalu kecil untuk merungsingkan engkau dan kedudukannya diakhirat juga terlalu kecil. Dia tidak akan terlepas dari genggaman kekuasaan Allah dan dia tetap dipertanggungjawabkan terhadap segala amalannya. Allah amat mengetahui segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala niat yang disembunyikan di dalam hatinya. "Kepada Kami kembalinya sekalian mereka dan Kami akan memberitahu mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada", keni'matan hidup yang mempesonakan mereka adalah amat kecil, pendek pula masanya dan sedikit nilainya "Kami hanya memberi keni'matan yang sebentar kepada mereka" dan selepas itu mereka akan menerima akibat yang dahsyat. Mereka akan diseretkan kepada-Nya sedangkan mereka tidak berdaya menolaknya. "Kemudian Kami akan menyeretkan mereka ke dalam azab yang amat tebal". Al-Qur'an menyifatkan azab itu sebagai "Amat tebal" untuk menyatakan kedahsyatan azab itu. Ungkapan "Menyeretkan mereka" menggambarkan kedahsyatan keadaan, di mana mereka cuba mengelakkan diri darinya sedangkan mereka lemah untuk menolakkannya, dan mereka teragak-agak menghadapinya. Keadaan mereka tentulah tidak dapat dibandingkan dengan keadaan orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah dan berpegang teguh dengan tali yang amat kukuh kerana orang ini akan kembali kepada Tuhananya dengan hati yang tenang tenteram.

\*\*\*\*\*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 25 - 26)

Kemudian Al-Qur'an melelakkan mereka berdiri di hadapan logik fitrah mereka sendiri ketika menghadapi alam buana dan mereka tidak dapat mlarikan diri dari mengakui hakikat yang tersemat di dalam fitrah mereka dan fitrah di alam buana, tetapi mereka menyeleweng darinya dan melupakan logik fitrahnya yang lurus itu.

وَلِئِن سَأَلْتُهُم مَّنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ  
اللَّهُ قُلْ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ  
بِاللَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ

الْحَمْدُ لِلَّهِ

"Dan jika engkau bertanya mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Alhamdulillah, sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui(25). Allah juga yang memiliki langit dan bumi. Sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(26)

#### Pengakuan Fitrah Manusia Dan Fitrah Alam Buana Terhadap Uluhiyah Allah

Manusia tidak berdaya mengingkari hakikat yang amat jelas ini apabila ia menanyakan fitrahnya dan pulang kepada hati nuraninya. Lihatlah langit dan bumi yang terbentang ini. Kedudukan, ukuran, jirimnya, gerak-geri peredaran, jarak-jarak jauh dekatnya, tabiat dan ciri-cirinya telah diatur begitu rapi dan susunan yang rapi itu menampakkan adanya iradat yang menghendaki begitu dan menampakkan keselarasan susunannya. Selain dari itu langit dan bumi merupakan makhluk-makhluk yang tiada siapa pun yang boleh mendakwa bahawa Dialah yang menciptakannya dan tiada siapa pun yang boleh mendakwa bahawa di sana ada pencipta yang lain dari Allah yang turut bekerjasama menciptakannya. Begitu juga langit dan bumi ini tidak mungkin terjadi dengan sendirinya, dan tidak mungkin teratur, tersusun, tegak dan selaras tanpa sesuatu tadbir dan tanpa pentadbir. Pendapat yang mengatakan bahawa langit dan bumi terjadi dengan sendiri atau terjadi secara kebetulan tidak wajar mendapat penghormatan untuk diajak berdebat apatah lagi pendapat itu disangkal dan ditolak oleh fitrah mereka yang semulajadi.

Orang-orang yang menentang 'aqidah tauhid dengan kepercayaan syirik dan menentang da'wah Rasulullah s.a.w. dengan perdebatan yang keras tidak berdaya menipu fitrah mereka apabila dikemukakan 'dalil alam buana dalam bentuk kewujudan langit dan bumi yang tersergam di hadapan mata, yang tidak memerlukan lebih dari melihat.

Oleh sebab itulah mereka tidak teragak-agak menjawab jika mereka ditanya: "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?" Jawab mereka ialah "Allah" Justeru itu Allah menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya menyambut jawapan mereka dengan ucapan "Alhamdulillah" iaitu Alhamdulillah di atas jelasnya kebenaran itu di dalam fitrah mereka. Alhamdulillah di atas pengakuan yang terpaksa diberi di hadapan dalil alam buana itu. Alhamdulillah di atas segala keadaan. Kemudian diiringi pula dengan satu kenyataan yang baru "Sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui". Oleh itu mereka suka berdebat dan jahil terhadap logik fitrah mereka dan tidak mengerti bahawa kewujudan alam buana ini membuktikan kewujudan Allah Penciptanya Yang Maha Agung.

Sesuai dengan pengakuan fitrah bahawa langit dan bumi ini adalah diciptakan Allah, maka Al-Qur'an menjelaskan pula bahawa Allah memiliki secara

mutlak segala kejadian yang ada di langit dan di bumi ini sama ada yang ditundukkan kepada penggunaan manusia atau tidak ditundukkan kepada penggunaan mereka. Di samping itu Allah Maha Kaya dari segala sesuatu yang wujud di langit dan di bumi dan Dia Maha Terpuji walaupun tidak dipuji oleh manusia:

لَلَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ

الْحَمْدُ لِلَّهِ

"Allah juga yang memiliki langit dan bumi. Sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(26)

\*\*\*\*\*

### (Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Sekarang pusingan ini diakhiri dengan satu pemandangan alam buana yang melambangkan kekayaan Allah yang tidak akan habis, ilmu-Nya yang tidak terbatas, qudrat kuasa-Nya yang sentiasa membaharu dan tiada sut dalam kegiatan mencipta dan membentuk makhluk-Nya, juga melambangkan kehendak iradat-Nya yang mutlak yang tiada titik penghabisannya:

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَمَ وَالْبَحْرَ يَمْدُدُ  
مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْخُرٍ مَّا نَفَدَتْ كَلْمَتُ اللَّهِ  
إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

٢٧

مَا خَلَقَكُمْ وَلَا بَعْثُكُمْ إِلَّا كَنْفِسٍ وَحْدَةٌ إِنَّ اللَّهَ

سَمِيعٌ بَصِيرٌ

"Andainya segala pokok yang ada di bumi ini dijadikan penapena dan lautan yang ditambahkan kemudiannya dengan tujuh lautan yang lain (dijadikan dakwat) nescaya tidak akan habis kalimat-kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(27). Penciptaan kamu dan kebangkitan kamu selepas mati hanya sama seperti mencipta dan membangkitkan seorang sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28)

### Ilmu, Qudrat Dan Iradat Allah Yang Mutlak

Pemandangan ini diambil dari maklumat-maklumat dari pandangan-pandangan manusia yang terbatas untuk mendekatkan kepada kefahaman mereka tentang pengertian masy'ah Allah yang tidak terbatas, iaitu satu pengertian yang hampir-hampir tidak dapat difahami manusia tanpa dijelaskan dengan perbandingan yang nyata ini.

Manusia merakamkan ilmu-ilmu, perkataan-perkataan dan perintah-perintah mereka dengan jalan menuliskan semuanya dengan qalam-qalam yang diperbuat dari kayu dan buluh dan dibantunkan dengan dakwat yang diisi tidak lebih dari sepenuh

bekas atau botol yang mengisinya, tetapi di dalam ayat ini Al-Qur'an menggambarkan kepada mereka bahawa seluruh pokok kayu yang ada di muka bumi ini dijadikan qalam-qalam, dan seluruh lautan yang ada dijadikan dakwat dan seluruh kerani merakamkan kalimat-kalimat Allah yang sentiasa membaharu, yang menunjukkan ilmu-Nya dan mengungkapkan iradat-Nya, maka apakah yang berlaku? Semua qalam kehabisan dan semua dakwat juga kehabisan, semua pokok dan lautan kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih belum kehabisan. Itulah keadaan sesuatu yang terbatas menghadapi yang tidak terbatas. Walaupun sebanyak mana sesuatu yang terbatas itu, namun ia tetap akan kehabisan juga, sedangkan yang tidak terbatas tidak akan berkurangan sedikit pun. Sesungguhnya kalimat-kalimat Allah itu tidak akan habis kerana ilmu Allah itu tidak terbatas, kerana iradat-Nya tidak terhenti, dan kerana kehendak masy'ah-Nya berjalan terus tanpa batas dan ikatan.

Lenyaplah pokok-pokok dan lautan-lautan, hilanglah sekalian yang hidup dan segala bebenda, lenyaplah segala rupa bentuk dan keadaan dan hati manusia berdiri dengan penuh khusyu' di hadapan keagungan Allah Pencipta Yang Maha Kekal, yang tidak akan berubah dan hilang dan di hadapan qudrat Allah Pencipta Yang Maha Kuat dan Pentadbir Yang Maha Bijaksana. **"Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

Di hadapan pemandangan yang penuh khusyu' ini, Al-Qur'an menyampaikan kenyataannya yang akhir di dalam pusingan ini dengan menggunakan pemandangan itu sebagai dalil alam buana yang membuktikan betapa mudahnya urusan penciptaan dan kebangkitan selepas mati di sisi Allah:

مَا خَلَقَكُمْ وَلَا بَعْثُكُمْ إِلَّا كَنْفِسٍ وَحْدَةٌ إِنَّ اللَّهَ

سَمِيعٌ بَصِيرٌ

"Penciptaan kamu dan kebangkitan kamu selepas mati hanya sama seperti mencipta dan membangkitkan seorang sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28)

Iradat Allah yang berkuasa mencipta dengan semata-mata wujud kehendak-Nya untuk mencipta adalah sama sahaja kepada-Nya mencipta satu individu atau mencipta banyak individu kerana iradat-Nya tidak menggunakan usaha yang terbatas apabila menciptakan tiap-tiap satu individu dan tidak pula mengulangi usaha dengan tiap-tiap satu individu. Bagi-Nya sama sahaja menciptakan satu individu atau menciptakan berjuta-juta individu, menghidupkan semula seorang manusia atau menghidupkan semula berjuta-juta manusia, kerana Allah mencipta dengan sepatah kata "Kun" dan dengan semata-mata wujud iradat-Nya untuk mencipta:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ  
فَكُونْ

"Sesungguhnya urusan penciptaan-Nya ialah apabila Dia hendak menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka sesuatu itu terus wujud."

(Surah Yaasin: 82)

Di samping qudrat -Nya ialah ilmu dan kepakaran-Nya yang menyertai urusan penciptaan dan kebangkitan manusia selepas mati dan urusan-urusan selepasnya iaitu urusan hisab dan balasan yang amat halus:

إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28)

\*\*\*\*\*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 29 - 30)

Kemudian tibaalah pula pusingan yang akhir memperkatakan persoalan yang telah diperkatakan oleh tiga pusingan sebelum ini. Ia menjelaskan bahawa hanya Allah sahaja yang benar dan yang lain darinya adalah palsu belaka. Ia juga menjelaskan tentang penumpuan ibadat kepada Allah Yang Tunggal dan seterusnya menjelaskan persoalan hari Qiamat, di mana si ayah tidak dapat menyelamatkan anaknya dan si anak tidak dapat menyelamatkan ayahnya. Persoalan-persoalan ini disertakan dengan berbagai-bagai pandangan yang menarik dan baru dan dibentangkan di dalam ruang alam buana yang amat luas.

أَلْقَرَانَ اللَّهَ يُولِجُ الْأَيَّلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ  
فِي الْأَيَّلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلَّ يَحْرِي إِلَى أَجَلٍ  
مُسَمَّى وَإِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ حَبِيرٌ  
ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ  
الْبَطِلُ وَإِنَّ اللَّهَ هُوَ عَلَى الْكَبِيرِ

"Tidakkah engkau lihat bagaimana Allah memasukkan malam hari ke dalam siang hari dan memasukkan siang hari ke dalam malam hari dan menundukkan matahari dan bulan, semuanya masing-masing beredar menuju ke satu masa yang tertentu dan sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu"(29). Peraturan itu menyaksikan bahawa Allah sahaja yang benar dan tuhan-tuhan yang didakwakan mereka selain dari Allah adalah palsu belaka dan sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(30)

#### *Saksi-saksi Uluhiyah Allah*

Pemandangan masuknya hari malam ke dalam hari siang dan masuknya hari siang ke dalam hari malam, panjang dan pendeknya hari malam dan hari siang ketika berlakunya perubahan musim, merupakan satu pemandangan yang benar-benar menakjubkan, tetapi oleh kerana pemandangan itu terlalu biasa dan terlalu kerap berlaku, maka kebanyakan manusia tidak merasa apa-apa terhadapnya. Mereka tidak lagi memperhatikan keajaiban ini yang berulang-ulang dengan teratur rapi, tidak pernah mungkir dan kacau-bilau walau sekalipun, peredarnya yang berterusan itu tidak pernah lewat dan menyimpang. Hanya Allah sahaja yang berkuasa mencipta dan memelihara peraturan ini. Apa yang diperlukan untuk memahami hakikat ini tidak lebih dari memperhatikan peredaran siang dan malam yang berterusan yang tidak pernah lewat dan menyimpang itu.

Hubungan peredaran siang dan malam dengan matahari dan bulan juga dengan peredaran keduanya yang teratur rapi itu merupakan satu hubungan yang amat jelas. Perjalanan matahari dan bulan merupakan satu keajaiban yang lebih besar dari keajaiban malam dan siang dan panjang pendeknya. Dan tiada siapa yang berkuasa mengendalikannya melainkan Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui. Dialah sahaja yang berkuasa dan mengetahui lama masa peredarnya sehingga sampai kepada masa yang ditentukan. Di samping menjelaskan hakikat kemasukan hari malam ke dalam siang dan kemasukan hari siang ke dalam malam dan hakikat perjalanan matahari dan bulan yang merupakan dua hakikat alam yang amat nyata itu, Al-Qur'an menjelaskan pula satu hakikat yang lain bersama keduanya dalam satu ayat iaitu hakikat "Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan mereka." Demikianlah hakikat ilmu Allah yang mengetahui segala yang ghaib itu dikemukakan di samping hakikat-hakikat alam yang lain yang mempunyai pertalian yang erat dengannya.

Kemudian ketiga-tiga hakikat ini diiringi dengan satu hakikat agung yang menjadi asas segala hakikat yang lain. Itulah hakikat utama yang melahirkan segala hakikat yang lain, iaitu hakikat yang diperkatakan oleh pusingan ini dengan mengemukakan dalil berikut:

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ  
الْبَطِلُ وَإِنَّ اللَّهَ هُوَ عَلَى الْكَبِيرِ

"Peraturan itu menyaksikan bahawa Allah sahaja yang benar dan tuhan-tuhan yang didakwakan mereka selain dari Allah adalah palsu belaka dan sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(30)

Peraturan alam yang tetap dan teratur rapi itu menyaksikan bahawa hanya Allah sahaja yang benar dan segala sembahyang yang disembah mereka selain dari Allah adalah palsu belaka, juga menyaksikan hakikat yang agung ini yang menjadi asas segala

hakikat yang lain dan asas alam al-wujud ini. Oleh kerana Allah itulah Tuhan yang benar, maka Dialah yang mencipta, menegak, memelihara dan mentadbirkan alam buana ini. Dialah yang memelihara kemantapan, keteguhan, perpaduan dan keselarasan perjalanan alam mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya.

**"Peraturan itu menyaksikan bahawa Allahlah sahaja yang benar"** segala sesuatu yang lain dari Allah adalah berubah, dan bertukar ganti belaka. Segala sesuatu yang lain dari Allah mengalami lebih dan kurang, kuat dan lemah, kembang dan layu, datang dan pergi. Segala sesuatu yang lain dari Allah ada selepas tiada dan hilang selepas ada. Hanya Allah sahaja yang kekal abadi tidak berubah tidak bertukar dan tidak hilang.

Kemudian masih ada lagi baki pengertian yang tertinggal di dalam hatiku dari maksud firman Allah Ta'ala **"Peraturan itu menyaksikan bahawa Allahlah sahaja yang benar"** iaitu baki pengertian yang tidak dapat disalin oleh kata-kata dan tidak dapat ditafsirkan oleh pengungkapan manusia yang ada padaku. Begitulah juga dengan firman Allah **"Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha besar"** tiada yang lain dari Allah yang bersifat **"Maha Tinggi dan Maha Besar"**. Dapatkah saya mengeluarkan pengungkapan yang dapat mencerminkan perasaan yang berkecamuk dalam seluruh jiwaku di hadapan pengungkapan Al-Qur'an yang amat menarik ini? Saya rasa segala pengungkapan manusia untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang tinggi itu tidak tercapai. Hanya pengungkapan Al-Qur'an sahaja merupakan satu-satunya pengungkapan yang tepat dan menarik.

\*\*\*\*\*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 31 - 32)

Pemandangan alam buana dan sentuhan jiwa itu diiringi pula dengan satu pemandangan yang lumrah di dalam kehidupan manusia, iaitu pemandangan kapal yang belayar di dalam lautan dengan limpah kurnia Allah. Al-Qur'an meletak mereka di dalam pemandangan ini di hadapan logik fitrah ketika ia menghadapi malapetaka dan bahaya lautan tanpa kekuatan dan keangkuhan:

الَّتِيْنَ أَنَّ الْفَلَكَ بَحْرِي فِي الْبَحْرِ بِنَعْمَتِ اللَّهِ لِيُرِيْكُمْ  
مِّنْ عَائِتَتِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِكُلِّ صَبَارٍ  
شَكُورٌ

وَإِذَا غَشِيَهُمْ مَوْجٌ كَأَظْلَلَ دَعْوَةَ اللَّهِ مُخْلِصِينَ لَهُ  
الَّذِينَ فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ فَنَهُمْ مُقْتَصِدُونَ وَمَا

بِحَدْبِ عَيْنَتَنَا إِلَّا كُلُّ خَتَارٍ كَفُورٌ

"Tidakkah engkau lihat bahawa kapal-kapal itu belayar di dalam lautan dengan ni'mat Allah untuk memper-lihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya. Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti bagi setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur(31). Dan apabila mereka dilanda gelombang lautan laksana bukit, mereka terus berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, kemudian apabila Allah selamatkan mereka sampai ke daratan, maka hanya sebahagian dari mereka sahaja yang bersikap sederhana. Dan tiada yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya pemungkir-pemungkir janji yang amat kufur."(32)

#### *Manusia Ketika Dilanda Gelombang Besar Dan Ketika Diselamatkan Ke Dataran*

Kapal-kapal itu dapat belayar di dalam lautan mengikut undang-undang yang telah diaturkan Allah pada laut, kapal, angin, bumi dan langit. Penciptaan makhluk-makhluk ini dengan sifat-sifatnya yang tertentu telah membolehkan kapal-kapal itu belayar di dalam lautan tanpa tenggelam dan terhenti. Andainya sifat-sifat itu tidak seimbang walaupun sedikit, nescaya kapal itu tidak dapat belayar di dalam lautan. Andainya kepadatan air atau kepadatan bahan kapal itu tidak seimbang, andainya nisbah tekanan udara di permukaan laut tidak seimbang, andainya gelombang-gelombang air dan udara tidak seimbang, andainya darjah kepanasan melebihi had yang boleh mengekalkan air sebagai air dan mengekalkan gelombang-gelombang air dan udara pada had-had yang seimbang, andainya satu nisbah sahaja yang tidak seimbang nescaya kapal tidak mungkin meluncur di atas air. Dan selepas syarat-syarat itu semua, tinggi lagi satu hakikat iaitu Allahlah yang menjaga dan melindungi kapal-kapal itu menempuh gelombang di tengah-tengah ribut taufan. Di sana tiada yang dapat melindunginya melainkan Allah. Jadi kapal-kapal itu dapat belayar dengan ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya dalam segala keadaan. Kapal-kapal itu juga belayar membawa ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya. Kedua-dua pengertian ini tercakup dalam ungkapan ayat tersebut. **"Untuk memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya"** yakni bukti-bukti kekuasaan Allah adalah terpampang di hadapan mata. Ia boleh dilihat oleh siapa sahaja yang ingin melihatnya. Bukti-bukti itu begitu jelas, tiada sebarang kesamaran. **"Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti bagi setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur"**. Yakni bersabar di dalam kesusahan dan bersyukur dalam kesenangan iaitu dua keadaan yang sering dialami manusia.

Tetapi manusia tidak sabar dan tidak bersyukur. Apabila mereka ditimpa kesusahan mereka berdo'a kepada Allah dan apabila Allah menyelamatkan mereka dari kesusahan itu, maka yang bersyukur hanya segelintir sahaja dari mereka:

## وَلَذَا غَشِيَّهُمْ مَوْجٌ كَالْظَّلَلِ دَعَوْا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

"Dan apabila mereka dilanda gelombang lautan laksana bukit, mereka terus berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya.(32)

Di hadapan bahaya seperti ini, di mana gelombang lautan sebesar bukit melanda mereka dan kapal laksana bulu ayam yang terumbang-ambing di dalam ombak-ombak yang amat dahsyat itu, maka ketika inilah jiwa manusia menjadi kosong dari segala kekuatan dan daya qudrat yang memperdayakan mereka, iaitu kekuatan daya qudrat yang selama ini melindungkan mereka dari hakikat fitrah mereka di sa'at-sa'at kesenangan dan memutuskan hubungan di antara fitrah mereka dengan Allah Penciptanya sehingga apabila semua halangan ini gugur dan fitrah manusia menjadi kosong dari segala tabir, barulah fitrah itu kembali kepada Tuhananya dan barulah ia menumpukan keta'atan kepada-Nya, barulah ia menolak segala sekutu dan segala yang asing dari Allah dan berdo'a kepada Allah dengan menumpukan sepenuh keta'atan kepada-Nya.

## فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ فَنَهَمُ مُقْتَصِدٌ

"Kemudian apabila Allah selamatkan mereka sampai ke daratan, maka hanya sebahagian dari mereka sahaja yang bersikap sederhana."(32)

Keamanan dari bahaya dan kesenangan tidak menghanyutkan mereka kepada melupakan Allah dan bertindak sewenang-wenang, malah mereka masih ingatkan Allah dan bersyukur kepada-Nya walaupun mereka tidak menuaikan kewajipan mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya dengan sewajarnya. Mereka hanya menuaikan kewajipan itu secara sederhana sahaja. Itulah kemuncak yang dapat dicapai mereka dalam mengingati dan bersyukur kepada Allah.

Diantara mereka ada yang terus mengingkari bukti-bukti kekuasaan Allah sebaik sahaja bahaya itu hilang dan keamanan itu pulih seperti biasa:

## وَمَا يَحْكُمُ حَدِيثَنَا إِلَّا كُلُّ خَتَّارٍ كُفُورٌ

"Dan tiada yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya pemungkir-pemungkir janji yang amat kufur."(32)

Sifat pemungkir janji dan sifat yang amat kufur itu dibesar-besarkan disini sesuai dengan perbuatan mereka yang tergamak mengingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang telah melihat bukti-bukti dari pemandangan-pemandangan alam buana, di samping menerima logik fitrah yang bersih, jelas dan terang itu.

\*\*\*\*\*

### (Pentafsiran ayat 33)

Sesuai dengan suasana malapetaka dan bahaya lautan yang mengosongkan jiwa manusia dari segala perasaan terpedaya dengan kekuatan, ilmu pengetahuan dan daya qudrat yang ada pada mereka, sesuai dengan suasana malapetaka lautan yang menghapuskan segala tabir-tabir palsu dari jiwa mereka dan meletakkan mereka di hadapan logik fitrah, Al-Qur'an mengingatkan mereka pula dengan malapetaka yang lebih besar, iaitu malapetaka yang membuat malapetaka lautan itu kelihatan begitu kecil dibandingkan dengannya, iaitu malapetaka hari Qiamat yang akan memutuskan segala hubungan rahim dan keturunan, malapetaka yang akan membuat si ayah tidak mempedulikan anak-anaknya dan si anak tidak dapat menolong ayahnya. Setiap orang pada hari itu berdiri sendirian sahaja, tidak mempunyai sebarang penolong dan tempat bergantung dan sepi dari kaum kerabat dan putus segala hubungan:

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمْ وَأَخْشُو أَيَّوْمًا لَا يَجِدُ  
وَالْدُّعَنَ وَلَدِيهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ حَازِرٌ عَنْ وَالْدُّرُونِ شَيْئًا  
إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغْرِيَنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا  
وَلَا يُغْرِيَنَّكُم بِاللَّهِ الْعَرُوفُ

"Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Allah dan takutilah hari Akhirat, di mana si bapa tidak dapat sedikit pun menyelamatkan anaknya dan si anak tidak dapat menyelamatkan bapanya. Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh itu janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia dan janganlah kamu ditipu syaitan dalam menta'ati Allah."(33)

### Manusia Ketika Dilanda Malapetaka Qiamat

Malapetaka pada hari itu ialah malapetaka kejiwaan yang kedahsyatannya diukur di dalam perasaan dan hati manusia,<sup>3</sup> di mana putusnya segala hubungan kerabat dan darah, hubungan rahim dan keturunan di antara bapa dengan anak dan di antara anak dengan bapa. Setiap orang sibuk dengan urusan dirinya. Tiada siapa pun yang boleh menyelamatkan orang lain dan tiada sesuatu pun yang berguna kepada seseorang selain amalannya sahaja. Semuanya ini tidak berlaku kecuali di dalam malapetaka Qiamat yang tidak ada tandingannya dengan mana-mana malapetaka yang biasa dialami manusia. Da'wah kepada taqwa di sini adalah sesuai dengan tempatnya yang akan disambut dengan baik, kerana persoalan Akhirat yang dibentangkan di bawah bayangan malapetaka Qiamat yang dahsyat ini, membuat hati manusia bersedia untuk mendengarnya.

<sup>3</sup> مشاهد القيمة في القرآن Lihat bab العالم الآخر في القرآن m.s. 42-44.

**"Sesungguhnya janji Allah itu benar".** Allah tidak sekali-kali mungkir. Tiada siapa yang dapat melarikan dirinya dari menghadapi malapetaka Qiamat yang amat dahsyat ini dan dari menghadapi hisab Allah yang halus dan balasan-Nya yang adil, ia mana si bapa tidak dapat menolong anaknya dan si anak tidak dapat menolong bapanya.

**"Oleh itu janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia".** Yakni terpedaya dengan keni'matan, hiburan dan kesibukan dunia. Hidup dunia merupakan satu tempoh yang pendek. Ia merupakan ujian untuk mewajarkan seseorang menerima balasan.

#### *Syaitan-syaitan Yang Memperdayakan Manusia*

**"Dan janganlah kamu ditipu syaitan dalam menta'ati Allah".** Yakni ditipu oleh keni'matan yang melalaikan, kesibukan yang melupakan dan ditipu syaitan yang membisik kejahatan di dalam hati, sedangkan syaitan-syaitan itu ramai. Iaitu syaitan yang memperdayakan manusia dengan harta, syaitan yang memperdayakan manusia dengan ilmu, syaitan yang memperdayakan manusia dengan umur, syaitan yang memperdayakan manusia dengan kekuatan, syaitan yang memperdayakan manusia dengan kuasa, syaitan yang membangkitkan hawa nafsu dan syaitan yang menimbulkan keinginan syahwat. Hanya rasa taqwa terhadap Allah dan kenangan terhadap hari Akhirat sahaja yang dapat melindungkan seseorang dari segala perdayaan syaitan.

\*\*\*\*\*

#### *(Pentafsiran ayat 34).*

Pada akhir pusingan yang keempat dan penghabisan surah ini dan di bawah bayangan pemandangan yang amat menakutkan itu, Al-Qur'an menyampaikan satu kenyataannya yang amat kuat, mendalam dan mengerikan. Kenyataan itu menggambarkan ilmu Allah yang mencakupi segala-galanya dan kelemahan ilmu manusia yang terhijab dari perkara-perkara yang ghaib. Kenyataan itu juga menjelaskan segala bahagian persoalan yang dibicarakan surah ini dan semuanya dikeluarkan dalam bentuk pemandangan dari pemandangan-pemandangan yang menarik yang dilukiskan Al-Qur'an.

#### *Masa Qiamat Tersimpan Dalam Ilmu Allah*

إِنَّ اللَّهَ عِنْدُهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ  
وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّا ذَاتَ تَكْسِبُ  
غَدَأَ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ

خَيْرٌ

*"Sesungguhnya pengetahuan mengenai masa Qiamat itu tersimpan di sisi Allah. Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui kandungan di dalam rahim, dan tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan diperolehnya pada esok hari, dan tiada seorang pun yang mengetahui di bumi manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya."(34)*

Allah S.W.T. telah menjadikan hari Qiamat itu suatu hari ghaib yang tiada siapa mengetahuinya kecuali Dia supaya manusia sentiasa beringat dan berwaspada, sentiasa menduga dan mengharap dan sentiasa berusaha menyiapkan bekalan untuknya. Mereka tidak mengetahui bilakah masa Qiamat itu. Ia mungkin datang dengan mendadak pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu tidak ada sebab bagi seseorang untuk menangguhkan usaha menyiapkan bekalan dan amalan simpanan.

#### *Hakikat Di Sebalik Turunnya Hujan*

Allah menurunkan hujan mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya dan sekadar yang dikehendaki-Nya. Kadang-kadang manusia dapat mengetahui masa kehampiran turunnya hujan berdasarkan pengalaman-pengalaman dan perkiraan-perkiraan mereka, tetapi mereka tidak berkuasa menciptakan sebab-sebab yang menciptakan hujan. Di dalam ayat ini diterangkan bahawa Allahlah yang menurunkan hujan kerana Dialah yang menciptakan sebab-sebab alam yang membentuk dan mengaturkan air hujan. Bidang ikhtisas Allah mengenai hujan ialah bidang qudrat sebagaimana yang dapat difaham dari nas yang zahir ini. Ada orang yang silap faham mengatakan turunnya air hujan itu termasuk di dalam perkara-perkara ghaib yang hanya diketahui Allah sahaja. Dan jika ilmu Allah merupakan satu-satunya ilmu yang mengetahui hakikat segala urusan, maka ilmu-Nya merupakan satu-satunya ilmu yang tepat, sempurna dan merangkumi segala-galanya, tidak lebih dan tidak kurang.

#### *Hakikat Di Sebalik Kandungan Rahim*

**"Dan mengetahui kandungan di dalam rahim".** Bidang ikhtisas Allah mengenai isi kandungan rahim pula ialah bidang ikhtisas ilmu seperti bidang ikhtisas ilmu-Nya mengenai masa hari Qiamat. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mengetahui dengan tepat apa yang dikandung rahim pada setiap sa'at dan pada setiap peringkat perkembangan kandungan itu sama ada kandungan lebih atau susut, juga mengetahui peringkat perkembangan kandungan yang belum lagi bersifat dan bertubuh, di samping mengetahui jenis kandungan itu sama ada lelaki atau perempuan ketika tiada siapa pun yang mengetahui sesuatu apa mengenai jenis kandungan semasa berlakunya percantuman benih lelaki dengan telur perempuan, seterusnya Dialah sahaja yang mengetahui perawakan dan rupa paras janin itu, juga sifat-sifat, keadaan-keadaan dan bakat-bakatnya. Semuanya dari bidang ikhtisas ilmu Allah Ta'ala sahaja.

## وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّا ذَاتَ كَسْبٍ غَدَّاً

*"Dan tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan diperolehnya esok hari." (34)*

### **Manusia Tidak Mengetahui Apa Yang Akan Berlaku Kepadanya Dan Di Mana Ia Mati**

Yakni apa yang akan diperolehnya sama ada kebaikan atau keburukan atau kemanfa'atan atau kemudharatan, kemudahan atau kepayahan, kesihatan atau kesakitan, keta'atan atau maksiat. Pengertian perolehan itu lebih umum dari keuntungan harta atau sebagainya, kerana ia mencakupi segala sesuatu yang akan menimpa seseorang pada hari esok. Ia merupakan urusan ghaib yang tertutup dan dilindungi tabir-tabir. Manusia berdiri bingung di depan alam ghaib yang gelap. Dia tidak berupaya melihat sesuatu di belakang tabir itu.

Begitu juga **"Tiada seorang pun yang mengetahui di bumi manakah dia akan mati"** kerana urusan ini adalah urusan di sebalik tabir yang amat tebal yang tidak dapat ditembusi telinga dan mata manusia.

Manusia berdiri lemah dan khusuk di hadapan tabir-tabir yang tebal ini, dia tahu hakikat ilmunya yang terbatas dan hakikat kelebihannya yang jelas. Segala perasaan terpedaya dengan ilmu pengetahuannya adalah gugur dari hatinya. Dia insaf bahawa di hadapan tabir ghaib itu manusia hanya dikurniakan ilmu yang sedikit sahaja, sedangkan di sebalik tabir itu terdapat berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang tidak diketahui mereka. Dan andainya mereka mengetahui segala sesuatu yang lain, maka mereka masih berdiri bingung di hadapan tabir itu. Mereka tidak tahu apakah yang akan berlaku besok dan apakah yang akan berlaku pada detik yang berikut. Di waktu inilah perasaan angkuh manusia merendah turun dan terus khusuk dan tunduk kepada Allah.

Al-Qur'an mengemukakan kenyataan-kenyataan yang memberi kesan yang mendalam kepada hati manusia itu di ruang yang amat luas, iaitu di ruang zaman dan tempat yang mencakupi masa kini, masa depan, alam ghaib yang jauh, alam fikiran manusia dan khayalannya, hari Qiamat yang jauh, hujan yang turun dari sumber yang jauh, kandungan rahim ibu yang tersembunyi dari mata, perolehan pada hari esok, walaupun besok itu dekat tetapi apa yang akan berlaku padanya masih ghaib dan majhul, begitu juga tempat mati dan tempat dikebumikan kedua-duanya masih jauh dalam andaian-andaian.

Itulah ruang zaman dan tempat yang amat luas, tetapi sentuhan-sentuhan penggambaran yang luas itu berakhiran dengan hujung-hujungnya yang halus, kemudian semua hujung-hujung yang halus itu berkumpul pada titik yang majhul, dan dengan hujung-hujung yang halus inilah kita semua berdiri di hadapan sebuah lubang kecil yang tertutup, andainya lubang itu terbuka seluas lubang jarum nescaya yang

dekat dan yang jauh di belakangnya kelihatan sama sahaja, iaitu kita tidak dapat membezakan mana yang jauh dan mana yang dekat, tetapi lubang ghaib itu tetap tertutup di hadapan manusia kerana ia di luar kemampuan dan ilmu manusia. Lubang itu hanya khusus untuk Allah, tiada yang lain dari Allah yang mengetahuinya. Dan tiada siapa yang mengetahuinya melainkan dengan izin Allah dan melainkan sekadar yang tertentu sahaja. **"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Pakar"** dan tiada yang lain dari Allah yang bersifat Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

\*\*\*\*\*

Demikianlah berakhirnya surah ini setelah menjelajah begitu jauh di ruang zaman, di merata ufuk, di segala pedalaman dan di merata-merata tempat yang jauh. Dan kembalilah hati dari perjalanan yang jauh dan luasnya itu dengan langkah-langkah yang perlahan-lahan kerana terlalu banyak berjalan, kerana terlalu berat membawa dan kerana terlalu lama berfikir dalam berbagai-bagai alam, berbagai-bagai pemandangan dan kehidupan.

Selain dari itu, surah ini adalah sebuah surah yang mempunyai ayat-ayat yang tidak melebihi dari tiga puluh empat ayat sahaja. Maha Suci lah Allah Tuhan yang menciptakan hati dan menurunkan Al-Qur'an sebagai penawar yang menyembuhkan penyakit-penyakitnya dan sebagai suluh hidayah dan rahmat kepada sekalian orang yang beriman.

\*\*\*\*\*